

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 198 ● 13 - 19 JANUARI 2023 ● PP19441/12/2018 (035014) ● PERCUMA

www.wilayahku.com.my



Mencari nokhtah banjir kilat KL

MASALAH banjir kilat yang sering membenggu sedang ditangani sebaik-baiknya oleh Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) demi keselesaan warga kota.

Melalui peruntukan belanjawan DBKL

lebih RM173.4 juta serta permohonan khas kepada kerajaan persekutuan berjumlah RM500 juta, penyelesaian banjir kilat antara *wish list* JWP dan DBKL yang diberi keutamaan sekali gus bakal menoktahkan masalah tersebut dengan tuntas.

Meskipun kini penyelesaian jangka

pendek dan sederhana sedang dilaksanakan, pemantauan terus daripada Ketua Pengarah dan Datuk Bandar jelas mahukan isu itu selesai demi Kuala Lumpur yang lestari dan mampan.

LAGI BERITA DI MUKA 2



Bela nasib penjaja

PERDANA MENTERI, DATUK SERI ANWAR IBRAHIM (TENGAH) MENDENGAR PENERANGAN DATUK BANDAR KUALA LUMPUR, DATUK SERI MAHADI CHE NGAH MENGENAI CADANGAN PEMBANGUNAN DAN MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR SERTA FASILITI PENJAJA DI KUALA LUMPUR DI KEMENTERIAN KEWANGAN PADA RABU,



**KL Park Festival 2023
Tonjol kreativiti warga kota**

>> 9, 10 & 11



**Kisah
kahwin
turut hangat
di Indonesia**

>> 14



**Sandwic
daging balado
jadi rebutan**

>> 16

DBKL sasar 100,000 kunjungi KL Park Festival 2023

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menasarkan lebih 100,000 pengunjung hadir ke Kuala Lumpur Park Festival 2023 (KL Park Festival 2023) yang bakal berlangsung pada 4 hingga 12 Mac ini di Taman Tasik Titiwangsa.

KL Park Festival 2023 merupakan penjenamaan semula daripada Program Kuala Lumpur Orchid and Bonsai Show (KLOBS) yang telah diadakan empat kali sebelum ini iaitu pada 2012, 2014, 2015 dan 2017.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata KL Park 2023 dianjurkan untuk meningkatkan lagi usaha menghijaukan ibu negara serta melaksanakan pengindahan bandar yang merupakkan salah satu daripada usaha untuk menterjemahkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

"Ia diadakan bertujuan untuk mempromosikan taman-taman awam di ibu kota sekali gus mengharapkan penglibatan pelbagai



MAHADI (tengah) menunjukkan brosur dan borang penyertaan KL Park 2023 selepas majlis pelancarannya pada Isnin.

lapisan masyarakat dalam menyumbang kepada pembentukan bandar raya lestari dan mapan.

"Festival ini juga bertujuan memberi pendedahan kepada orang ramai khususnya dalam bidang landskap, reka bentuk hiasan rumah, kaedah penjagaan dan tanaman be-

rasaskan makanan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Sistem e-Penilaian dan Hartanah DBKL pada Isnin.

Hadir sama, Presiden Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM), Profesor Madya L.Ar Dr Nor Atiah Ismail.

Tambahnya, kerja-kerja penghijauan dan pengindahan bandar sedang giat diusahakan dengan menambah lebih banyak pokok-pokok hijau di kawasan-kawasan lapang, median-median jalan, laluan pejalan kaki serta laluan basikal, dan di pocket-pocket parks.

Mahadi berkata terdapat lima komponen utama yang akan diketengahkan iaitu BalconyKL Showdown, Environmental Arts Competition, Malaysian Art and Flora Gardens, Mystical Dome of Titiwangsa dan Garden of Heaven.

"KL Park 2023 juga menyajikan acara lain yang menarik seperti e-Market Place, Student Hub, Lepak Corner dan Outdoor Adventures serta pameran kebun-kebun komuniti Kuala Lumpur LA21," katanya.

Tidak ketinggalan buat peminat seni dan alam sekitar, festival ini turut menonjolkan keunikan Art Installation seperti Colourful Hanging Float, Mountain Rhythm dan Magic Spring serta laman-laman menarik yang boleh dijadikan Instagrammable Spot bagi dimuat

naik ke laman sosial pengunjung.

"Besar harapan kami agar KL Park 2023 akan berjaya dilaksanakan dengan meriah seterusnya dapat meningkatkan minat warga kota terhadap seni bina dan landskap serta budaya menanam pokok terutamanya di Kuala Lumpur," katanya.

Orang ramai boleh melayari laman sesawang www.klparkfestival.com atau melalui media sosial rasmi di Instagram @klparkfestival dan Facebook di KL Park Festival untuk maklumat lanjut.

Sementara itu, Mahadi menjelaskan terdapat perbezaan di antara KL Park dengan Floria Diraja Putrajaya meskipun program tersebut menampilkan persamaan mengenai seni bina landskap.

"Floria Diraja Putrajaya menampilkan seni bina landskap yang dibina oleh Pihak Berkusa Tempatan (PBT) dan organisasi swasta yang berminat di seluruh negara manakala KL Park akan menyasarkan penyertaan komuniti dan mana-mana individu yang berminat," katanya. **WK**

JWP, DBKL giat laksana kerja selenggara, tebatan banjir

DARI MUKA HADAPAN

HUJAN lebat dalam tempoh yang singkat boleh menyebabkan banjir kilat manakala hujan sederhana dalam tempoh yang lama turut berisiko menyebabkan sungai atau empangan melimpah sekali gus menjadi punca penyebab banjir berlaku.

Itulah situasi yang berlaku ekoran daripada kesan perubahan iklim yang melanda seluruh dunia termasuk Malaysia yang turut menyumbang kepada cuaca ekstrem berikutnya kesan pemanasan global.

Ia memberi kesan kepada rumah, komuniti dan perniagaan secara langsung serta mengganggu perkhidmatan penting, aliran rangkaian pengangkutan. Banjir boleh menyebabkan bukan sahaja kerugian ekonomi yang besar, tetapi juga gangguan dan kesengsaraan kepada mereka yang terjejas terutama untuk golongan berpendapatan rendah di beberapa kawasan yang terjejas.

Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merekodkan hampir 33 kawasan hot spot di sekitar ibu negara. Tindakan yang diambil pentadbir bandar raya itu termasuklah melaksanakan tindakan jangka pendek dengan melancarkan Pelan Tebatan Banjir Kilat Kuala Lumpur 2022 pada Mei 2022 dengan kos perbelanjaan sebanyak RM10 juta.

Melalui pelan tebatan tersebut, 14 inisiatif interim telah diambil bagi menangani masalah banjir kilat yang di antaranya adalah meletakkan bit hot spot yang dianggotai kaktangan DBKL bagi memastikan tindakan awalan dapat

diambil sekiranya berlaku hujan lebat.

Ketua Pengarah JWP, Datuk Seri Rosida Jaafar dalam Program Turun Padang (TUPA) di 33 kawasan hot spot banjir kilat sekitar Kuala Lumpur telah mengenal pasti punca yang menyebabkan perkara itu berlaku melibatkan isu penyelenggaraan longkang dan saliran, longkang bawah tanah tersumbat, limpahan air sungai, halangan utilities services dan sampah sarap di dalam longkang, penyelenggaraan saliran melibatkan premis swasta dan takungan yang tidak diselenggara dengan baik mengakibatkan air melimpah ke dalam lebuh raya dan monoblock tersumbat.

Melalui sesi TUPA ini, hasil lawatan dan cadangan penambahan dapat dibincangkan segera. Sebagai contoh, banjir kilat yang berlaku di Jalan Air Bah, Taman Air Panas, Setapak pada 3 November lalu telah mencadangkan untuk membina bypass bagi mengelakkan berlakunya back flow di Jalan Air Bah serta keperluan membina U drain sebagai langkah menaik taraf saliran longkang.

Tindakan pembinaan bypass untuk lencongan bagi kelancaran air telah dilaksanakan dan siap sepenuhnya pada 23 November lalu selain menaik taraf precast U Drain yang dijangka selesai pada 23 Januari ini.

Selain itu, terdapat masalah banjir kilat yang berpunca dari pada kerja-kerja penyelenggaraan saliran melibatkan premis swasta di Jalan Genting Kelang. DBKL melalui Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS) telah memberikan teguran serta notis kacau ganggu di bawah Seksyen 82.



ROSIDA (tiga dari kanan) bersama pegawai-pegawai kanan Jabatan Wilayah Persekutuan memantau projek tebatan banjir kilat di ibu negara baru-baru ini.

Faktor pembinaan Lebuhraya Duta Ulu-Kelang Expressway (DUKE) turut menyumbang kepada masalah sama apabila JWP mendapati ada takungan yang tidak diselenggara dengan baik mengakibatkan air melimpah ke dalam terowong melibatkan lebuh raya berkenaan.

DBKL juga akan mengadakan perbincangan bersama syarikat utiliti seperti Tenaga

Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia (TM) dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) bagi mengatasi masalah halangan utilities services dan sampah sarap yang mengakibatkan banjir kilat yang berlaku di Jalan Padang Tembak pada 11 November lalu. Pemasangan culvert di empat kawasan telah selesai dilaksanakan.

DBKL juga telah mengambil tindakan membeli lima unit pam

selain 15 unit lagi disewa dan ditempatkan di kawasan yang dijangka berlaku limpahan air sungai ketika hujan lebat di Jalan Rahmat, Jalan Sultan Azlan Shah, Segambut dan Jalan Parlimen 2 berhampiran Padang Merbok. Bagi penyelesaian jangka pendek pula, beg pasir turut diletakkan sebelum struktur flood wall kekal dibina.

Bagi mengatasi masalah banjir kilat di Jalan Parlimen 2 berhampiran Padang Merbok, DBKL mempunyai perancangan jangka panjang untuk membina satu underground stormwater detention pond atau kolam takungan bawah tanah di atas sebahagian Padang Merbok sebagai takungan sementara agar air larian permukaan dan aliran air sistem longkang sedia ada ke Sungai Gombak dapat dikawal yang kini masih dalam perbincangan DBKL.

Kejayaan menaik taraf longkang turut giat dilaksanakan termasuk membuka beberapa outlet perantara di bahagian median kerb bagi melancarkan laluan air permukaan jalan, melebarkan dan menambah scupper drain baru dan outlet ke longkang dan menurap dan membetulkan semula kecerunan jalan bagi melancarkan laluan air permukaan jalan.

Melalui perbincangan belanjawan DBKL yang dibentangkan baru-baru ini, ia telah memperuntukkan kira-kira RM173.4 juta untuk menyelenggara jalan raya, longkang, sungai dan pembinaan kecil longkang besar.

Selain itu, sebanyak RM68.6 juta telah diperuntukkan untuk kerja-kerja saliran dan tebatan banjir serta mempertingkatkan saliran induk bagi mengatasi masalah yang sering membenggu warga kota. **WK**

Pemilik hartaanah KL mesti kemas kini maklumat pemilikan dalam talian mulai 1 April

AZLAN ZAMBRY

PEMILIK hartaanah di Kuala Lumpur diwajibkan mengemas kini butiran mereka secara dalam talian melalui platform ePenilaian & Hartanah di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkuat kuasa 1 April ini.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata langkah itu bagi memudahkan pendaftaran pindah milik hartaanah dan pertukaran alamat untuk pengebilan cukai taksiran dan pengguna baharu perlu mendaftar sebelum mengemas kini butiran mereka seperti MyKad dan nombor telefon serta mengemukakan dokumen berkaitan.

"Ini akan memudahkan kerana pemilik hartaanah tidak lagi perlu pergi ke kaunter dan dapat menjimatkan," katanya dalam



MAHADI (tengah) menekan butang sebagai simbolik kepada pelancaran platform ePenilaian & Hartanah di Menara DBKL pada Isnin.

sidang media selepas melancarkan platform dalam talian itu di Menara DBKL 1 di Jalan Raja Laut pada

Isnin.

Mahadi berkata inisiatif baharu itu adalah sebahagian daripada

langkah DBKL untuk mendigitalkan perkhidmatannya dan peralihan kepada masyarakat tanpa kertas.

"Ini akan membantu mengurangkan penggunaan tenaga di ibu negara, sejajar dengan aspirasi kami untuk mewujudkan Bandar Rendah Karbon menjelang 2030," tambahnya.

Di bawah Seksyen 160, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), semua pihak yang terlibat dalam pemindahan hak milik hartaanah dikehendaki mendaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam tempoh tiga hari.

Untuk butiran mengenai platform baharu, layari ejpph.dbkl.gov.my atau hubungi talian hotline 03-2617 1031/ 1032/ 1033.

Sementara itu, pendaftaran pemindahan harta berikutan kematian pemilik asalnya hendaklah dibuat dalam tempoh 12 bulan.

Kegagalan mendaftarkan pemili-

kan hartaanah akan dikenakan denda RM2,000 atau penjara enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Dalam pada itu, Mahadi berkata DBKL tidak bercadang untuk mengkaji semula kadar cukai taksiran bagi hartaanah di ibu negara.

Beliau berkata sebagai bandar raya yang matang, Kuala Lumpur mempunyai sistem yang mantap untuk menentukan kadar yang perlu dibayar oleh pemilik hartaanah.

"Kuantum dikira berdasarkan yuran sewa hartaanah," katanya, sambil menambah bahawa kadar semasa untuk perumahan kos rendah akan kekal.

Pada 22 Disember, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan diskau 30 peratus ke atas cukai taksiran untuk hartaanah di bawah RM300,000 di Putrajaya berkuat kuasa 1 Januari tahun ini serta dijangka memanfaatkan kira-kira 8,500 isi rumah. **WK**

Kuota haji Malaysia kembali 31,600

DIANA AMIR

KERAJAAN Arab Saudi membenarkan kuota haji Malaysia kembali kepada 31,600 orang untuk tahun 1444H/203M berbanding 14,306 pada tahun lalu.

Perkara tersebut dicapai dalam mesyuarat khas bersama Menteri Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan Menteri Haji dan Umrah, Kerajaan Arab Saudi, Dr Tawfiq Fawzan Al-Rabia pada Isnin lalu.

Mohd Na'im menerusi satu



MOHD NA'IM

hantaran di laman Facebooknya pada Selasa lalu berkata beliau mewakili Malaysia menzahirkan rasa syukur dan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Arab Saudi atas kuota penuh itu.

"Saya yakin penilaian telah dibuat dalam semua aspek bagi memastikan keselamatan bakal-bakal jemaah haji Malaysia dan akan mematuhi ketetapan daripada Kerajaan Arab Saudi.

"Saya memohon semua umat Islam bersama-sama berdoa kepada Allah SWT agar mempermudahkan perjalanan haji tahun ini serta mendoakan semoga pihak TH dapat menguruskan jemaah haji Malaysia dengan baik dan lancar," ujarnya. **WK**

Lembaga Tabung Haji (TH) atas pengendalian haji yang terbaik, sistematik dan tahap layanan jemaah yang patut dicontohi.

"Penegasan telah diberikan bahawa TH akan sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada bakal jemaah haji Malaysia dan akan mematuhi ketetapan daripada Kerajaan Arab Saudi.

"Saya memohon semua umat Islam bersama-sama berdoa kepada Allah SWT agar mempermudahkan perjalanan haji tahun ini serta mendoakan semoga pihak TH dapat menguruskan jemaah haji Malaysia dengan baik dan lancar," ujarnya. **WK**



JUMLAH jemaah haji luar negara diumum kembali seperti sebelum pandemik COVID-19.



MAHADI (kiri) menyampaikan sumbangan Tahun Baharu Cina kepada warga emas yang merupakan penduduk PPR dalam satu majlis pada Selasa.

DBKL dukung amanat PM titik berat kualiti hidup rakyat di Kuala Lumpur

MENJELANG perayaan Tahun Baharu Cina, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memberikan sumbangan kepada 300 keluarga dari golongan berpendapatan rendah (B40) bagi memeriahkan sambutan itu pada tahun ini.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata senarai nama itu telah dipilih melalui sistem eKasih bagi mereka yang layak dan menetap di Perumahan Awam (PA) atau Projek Perumahan Rakyat (PPR) DBKL.

"Setiap penerima akan menerima wang tunai beserta goodies seperti biskut raya dan set peralatan makanan. Saya berharap dengan bantuan ini dapat sedikit sebanyak membantu meringankan beban keluarga bagi menyambut Sambutan Tahun Baharu Cina nanti," katanya ketika berucap dalam Majlis Sumbangan Tahun Baharu Cina 2023 di Dewan Komuniti Sentul Perdana pada Selasa.

Mahadi berkata DBKL mendukung amanat dan seruan Perdana Menteri yang menitikberatkan peningkatan kualiti hidup rakyat yang tinggi dan sejahtera.

"Kami akan berusaha membantu warga kota menyediakan kemudahan seperti pusat penjaja, dewan-dewan komuniti, lesen perniagaan, rumah mampu milik dan pelbagai lagi.

"Ia dilakukan demi mencapai tahap bandar raya berdaya huni, gembira, dan sejahtera untuk semua," katanya sambil menambah bahawa DBKL turut menganjurkan sambutan perayaan bagi semua kaum di Kuala Lumpur kerana ia satu bukti bahawa Kuala Lumpur merupakan sebuah bandar raya berbilang bangsa yang unik, menarik dan harmoni."

Dalam pada itu, program seumpama itu akan diteruskan ke 10 kawasan parlimen yang lain tanpa meninggalkan mana-mana individu yang layak. **WK**

Selangkah Ke Alam Perkahwinan Siri Kedua

YPB rai 100 pasangan mempelai

HAZIRAH HALIM

YAYASAN Patriotik Bangsa (YPB) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) bakal mengajukan Program Perkahwinan Beramai-Ramai bertemakan ‘Selangkah Ke Alam Perkahwinan Siri Kedua’, April ini.

Pengerusi YPB, **Datuk Che Yazid Othman** berkata program edisi kedua ini merupakan lanjutan daripada edisi pertama pada April 2013 lalu dan dijangka melibatkan 100 pasangan mempelai yang dinikahkan serentak seterusnya diraikan di Masjid Putrajaya pada 30 April ini.

“Selepas 10 tahun berlalu, atas permintaan ramai YPB terpanggil untuk melaksanakan tanggungjawab sosial ini sekali lagi yang mana pada edisi kedua kali ini, YPB menyasarkan seramai 100 pasangan pengantin dinikahkan dan diraikan dalam satu majlis dengan suasana Hari Raya Aidilfitri,” katanya pada Majlis PraPelancaran Program Perkahwinan Perdana 2023 di Lanai Karya Event Space, Putrajaya baru-baru ini.

Tambah beliau, pertambahan pasangan pengantin adalah seiring dengan matlamat YPB iaitu membantu golongan kurang berkecukupan (B40) terutamanya untuk merealisasikan mahligai indah ber-



CHE Yazid (tengah) sejurus menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama sebahagian penaja pada Majlis PraPelancaran Program Perkahwinan Perdana 2023.

sama pasangan dengan kos bayaran yang sangat minima.

“Melalui konsep bina rumah tangga dengan perbelanjaan berhemah, setiap pasangan mempelai hanya perlu membayar sebanyak RM5,000 selain turut ditawarkan pelbagai pakej.

“Antaranya pakaian pengantin (lelaki dan perempuan); jurusolek dan jurudandan profesional; imam dan kadi pernikahan; pelamin dan dekorasi bertema (satu pasangan, satu pelamin); e-kad jemputan

(setiap pasangan); kenderaan perarakan mempelai; jurufoto dan videografi profesional termasuklah hotel penginapan di sebuah hotel terkemuka dan banyak lagi.

“Insya-Allah, YPB telah pun mempelawa dan menjemput Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi untuk menjadi penaung kepada Program Perkahwinan Beramai-Ramai ini dan jika tiada apa-apa halangan Perdana Menteri,

Datuk Seri Anwar Ibrahim juga dijemput datang untuk merenjis air mawar kepada pengantin,” kata beliau.

Justeru itu, YPB berbesar hati dan menguar-uarkan kepada mana-mana pasangan terutama golongan B40 dan warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas untuk mengikuti program ini dengan membuat permohonan melalui talian.

“Permohonan telah pun dibuka sejak 6 Januari lepas sehingga awal Februari ini atau sehingga cukup sasaran seramai 100 pasangan mendaftar. Mereka boleh membuat permohonan dengan menghubungi Ketua Pegawai Operasi Yayasan di talian **016-634 5073** dan mendapatkan keterangan lebih lanjut.

“Di kesempatan ini juga, saya ingin berterima kasih kepada lapan pihak penaja yang sudi bekerjasama bagi memeriahkan lagi program perkahwinan perdana ini iaitu Lanai Karya Event Space, DMG Food Industries, Bizsmart Solutions dan sebagainya.

“Saya juga ingin mempelawa mana-mana pihak swasta untuk turut bersama melakukan program tanggungjawab sosial ini dengan menaja mana-mana bahagian agar dapat menjayakan program edisi kedua ini di samping merealisasikan impian pasangan mendirikan rumah tangga,” ujar beliau. WK

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz

azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi

helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zamby

azlanwilayahku@gmail.com

Aini Rosidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin

khairulwilayahku@gmail.com

Deel Anjer

deelanjer6@gmail.com

Sabrina Sabre

sabrinawilayahku@gmail.com

Hazirah Halim

hazirahwilayahku@gmail.com

Diana Amir

dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid

lemandecaprio@gmail.com

Mohd Affandy Annuar

affandywilayahku@gmail.com

Fauzi Taib

adhamfaizi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan

aminwktv@gmail.com

Muhammad Syuqqree Mohd Dain

syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir

fatihah@yayasanwp.org.my

Nurul Hazwani Haslan

nhmm8686@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi

roslee@yayasanwp.org.my

Replika arnab terbesar di Suria KLCC sempena Tahun Baharu Cina

DIANA AMIR

SEBUAH replika arnab terbesar Malaysia dipamerkan di perkarangan destinasi pusat beli-belah utama Malaysia, KLCC Esplanade bersempena sambutan perayaan Tahun Baharu Cina yang

bakal tiba tidak lama lagi.

Ketua Pegawai Eksekutif Suria KLCC Sdn Bhd, **Andrew Brian** berkata replika tersebut diperbuat daripada syiling emas telah diperakui oleh *Malaysia Book of Records* 2023.

“Replika tersebut turut

menampilkan nugget emas ‘yuan bao’ diiringi 11 zodiak cina yang lain di mana warna emas menyelaputi replika arnab itu melambangkan ‘prosperity’ serta ‘good luck,’ katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Andrew berkata arnab dalam

zodiak cina juga melambangkan kewaspadaan, maruah, kecerdasan cepat dan kesuburan.

“Kami amat berbangga melihat satu lagi rekod baharu dicipta oleh Suria KLCC pada tahun ini,” ujarnya replika berukuran setinggi 7.5 meter itu turut menampilkan

peponoh sakura serta bunga ‘peony’ yang disusun indah untuk membangkitkan semangat musim perayaan.

Replika terbesar itu akan dipaparkan untuk para pengunjung sehingga 5 Februari ini. WK

CERITA KEDAI KOPITIAM

DBKL guna kamera badan

MULAI bulan depan (Februari), penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan dilengkapi dengan kamera badan ketika bertugas untuk memastikan tanggungjawab dapat dilaksana dengan lebih lancar dan efisien.

Memetik Pengarah Eksekutif, Pembangunan Sosio-Ekonomi DBKL, Datuk Azmi Abdul Hamid, pada peringkat awal ini, kamera akan disediakan untuk 100 orang penguat kuasa. Jumlah ini akan ditambah secara berperingkat.

Kawan-kawan Kedai Kopi menyambut baik langkah ini sebagai usaha menambah keyakinan orang ramai terhadap penguat kuasa yang sering dikaitkan dengan dakwaan rasuah. Walaupun mungkin hanya segelintir terlibat, nama penguat kuasa keseluruhannya turut terjejas.

Kerana itu diharap langkah terbaru DBKL ini akan mengakibatkan sebarang cubaan rasuah jika ada, kerana setiap apa yang mereka lakukan akan dirakam kamera. Beberapa agensi kerajaan lain telah pun menggunakan kamera badan ini, misalnya polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan

(JPJ).

Kamera badan bukan sahaja merakam interaksi di antara pegawai bertugas dengan orang awam, tetapi akan juga memastikan keselamatan pegawai bertugas daripada ancaman. Ini kerana setiap gangguan oleh orang awam dirakam. Rakaman kamera pula boleh dijadikan bukti dalam mahkamah.

Dengan kata lain, kamera ini akan berfungsi sebagai ‘mata ketiga’ dan saksi berkecuali seandainya berlaku salah faham atau rasa tidak puas hati baik dalam kalangan orang ramai dengan penguat kuasa. Fungsi kamera ini sangat penting sebagai bahan rujukan.

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, cadangan melengkapi kamera badan kepada penguat kuasa DBKL dicetuskan seawal 2020 oleh Datuk Bandar ketika itu, Datuk Seri Nor Hisham Ahmad Dahlan. Tujuannya bagi meningkatkan integriti dalam kalangan pegawai penguatkuasa bagi mengurangkan kes salah guna kuasa.

Difahamkan ketika itu, ujian pelaksanaan telah pun dijalankan. Bagaimanapun ia kemudian dibatalkan tanpa penjelasan. Kerana itu langkah menghidupkan kembali usaha tersebut memang baik demi manfaat pegawai penguatkuasa dan orang awam.

Ada pihak berpendapat penggunaan kamera

badan belum dapat menjamin salah guna kuasa atau rasuah berlaku. Ini kerana rasuah masih boleh dilakukan dengan pelbagai cara lain yang tidak akan terakam dalam kamera.

Benar rasuah masih boleh diberi dan terima walaupun ada kamera badan. Namun sekurang-kurangnya DBKL telah berusaha mencari jalan menghapuskan rasuah.

Bajet DBKL 2023 turun

NAMPAKNYA bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi 2023 turun. Bajet berjumlah RM2.604 bilion kurang 3.7 peratus berbanding bajet tahun sebelumnya.

Datuk Bandar, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, ketika membentangkan bajet berkenaan baru-baru ini memaklumkan sebanyak 75 peratus daripada peruntukan bajet atau RM1.96 bilion adalah bagi belanja mengurus, sementara bakinya RM643.7 juta adalah bagi pembangunan bandar raya.

Namun apa yang kawan-kawan Kedai Kopi harap ialah dalam keadaan bajet berkurangan DBKL akan terus mampu memberikan khidmat terbaik kepada warga kota dan pada masa memastikan semua projek pembangunan lancar.

Projek yang memberi manfaat kepada warga kota wajar diberi keutamaan. Ini termasuk

membina dan menambah baik sistem jalan, menyediakan lebih banyak ruang untuk penjaja dan peniaga, mempertingkat sistem pengangkutan awam dan lain-lain.

Kerana itu kawan-kawan Kopi Kedai menyambut baik pelaksanaan beberapa projek yang difokuskan oleh Datuk Bandar dalam bajet. Misalnya dari segi pengurusan penjaja, sebanyak RM53.4 juta diperuntuk untuk penyenggaraan dan menambah baik pusat perdagangan dan pasar awam.

Beberapa lokasi tertentu dikenal pasti bagi projek ini, seperti Projek Bazaar Gading Klang yang akan menjadi tapak tetap Bazaar yang kini ‘menumpang’ di Setapak Indah. Selain itu, Pasar Chow Kit, Pekan Sungai Besi, Keramat Mall dan UTC Sentral juga dalam senarai.

Memang sesuai sekali pembangunan dilaksana di lokasi ini memandangkan kawasan pasar adalah tumpuan ramai, sementara UTC menyediakan pelbagai kemudahan pusat sehenti yang bermanfaat kepada orang ramai.

Warga kota juga secara tidak langsung dapat membantu DBKL. Jangan culas bayar sewa rumah DBKL, baik Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau Perumahan Awam (PA). Jangan tangguh bayar cukai pintu atau kompaun kerana ia merupakan sumber pendapatan DBKL.

DAPATKAN NASKHAH PERCUMA

Lokasi edaran:



JANGAN TERLEPAS EDISI BERCETAK DAN E-PAPER WILAYAHKU

Wilayah Ku



Wilayahku juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti Pejabat Kerajaan, Masjid, Surau, 7 Eleven, 99 Speedmart, stesen minyak dan restoran serta lokasi tumpuan orang ramai.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

Wilayah Ku

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



FULL PAGE
26cm X 33cm
RM7,500



HALF PAGE
26cm X 17cm
RM5,500



QUARTER PAGE
12cm X 17cm
RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



FRONT BANNER 1080px X 96px	RM2,500
MIDDLE BANNER 1080px X 280px	RM2,000
MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px	RM1,500
HALF PAGE 350px X 500px	RM1,000

50,000 naskhab akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)
Operasi & Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya

Desaku yang jauh di sana



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

SAYA meninggalkan kampung kelahiran di Perlis ketika berusia 24 tahun. Saya mulai mengingati semua yang berlaku di sekeliling ketika berusia sekitar lima tahun. Sejak itu semua yang dialami dan dilihat di sekitar kehidupan terakam kemas dalam ingatan.

Akan tetapi hanya lebih kurang 19 tahun sahaja saya menikmati kehidupan di kampung pedalaman dan terpencil dekad 1960-an hingga awal 1980-an. Selepas 1984 saya berkelana di Kuala Lumpur hingga kini – hampir empat dekad.

Walaupun keberadaan di kampung pada relatifnya singkat, pengalaman bergelumang dalam kehidupan budaya sentiasa dekat dengan saya. Kenangan itu hanya bergulir di layar ingatan, tanda mata sudah lama hilang bersama-sama kitaran zaman.

Sabtu kali apabila pulang ke kampung, keindahan kehidupan lampau seperti tidak cukup ruang untuk ditoleh dan dihimpun.

Tetapi apakan daya, kenangan adalah air sungai yang menyusur ke hilir dan tidak berpatah balik untuk kali keduanya.

Pada garis masa yang singkat itu juga pengalaman dalam kehidupan budaya menjadi suatu yang amat berharga.

Tidak sekadar menyaksikan, malah turut berada dalam ruang budaya adalah sangat mengilhamkan kepada saya sebagai penulis. Sekalipun semua itu tidak terzahir lagi di mana-mana, akan tetapi terus lestari di layar kenangan.

Keadaan sudah lama berubah seiring zaman. Budaya lama orang kampung sudah banyak yang hilang tanpa kesan. Kini kehidupan budaya itu sudah hilang hampir seluruhnya.

Nilai-nilai yang menjadi tumpukan budaya di kampung terusir dengan perubahan sosial dan gaya hidup. Malah kampung sudah tidak seperti kampung lagi apabila modenisasi tembus hingga ke seluruh ceruk pelosok.

Pengalaman yang dirakam seawal usia lebih kurang lima atau enam tahun itu menjadikan saya antara yang bertuan.

Hal ini kerana tidak semua mereka yang sebaya pernah mengalami pengalaman yang sedemikian unik itu. Saya pernah



KAMPUNG Mengkuang Layar sebuah perkampungan sawah padi yang secara geografinya hanya lebih kurang 15 kilometer dari Kangar, ibu negeri Perlis.

menjadi sebahagian daripadanya.

Kampung saya jauh di pedalaman. Kampung Mengkuang Layar sebuah perkampungan sawah padi yang secara geografinya hanya lebih kurang 15 kilometer dari Kangar, ibu negeri Perlis. Akan tetapi menjadi sangat jauh kerana diafaikan prasarana dan kemiskinan.

Walaupun miskin, kehidupan orang kampung sangat akrab dengan alam budaya dan tradisi. Muafakat diangkat menjadi teras kehidupan.

Dalam semua perkara, orang kampung tidak terkeluar daripada garis muafakat. Inilah kekuatan dalam berdepan dengan realiti zaman di mana kemiskinan kerap bertandang di muka pintu.

Ayah seorang petani yang mengerjakan sawah yang luasnya lebih kurang empat ekar. Tanah sawah itu adalah hasil penat lelahnya meneroka hutan paya gelam sebelum Perang Dunia Kedua.

Malah ayah antara peneroka asal yang menggunakan kudrat tulang empat kerat mengubah hutan gelam menjadi sawah yang luas terbentang.

Ketika masih kanak-kanak saya berpeluang melihat saki-baki pokok gelam yang berderetan di permata dan penjuru kampung.

Cerita ayah, kulit pokok gelam dibuat dinding kerana kalis air dan tahan reput. Malah rumah asal ayah selepas berkahwin dengan ibu beratap nipah berdinding kulit gelam. "Itulah istana kami," kata ayah.

Saya menyaksikan sendiri kehidupan ayah, ibu dan orang kampung yang dilingkungi budaya dan tradisi Melayu. Kemiskinan

“Generasi muda menjadikan yang lama sebagai rujukan kehidupan. Maka semua amalan budaya itu diulang dan diturunkan, begitulah kitaran kelestarian budaya dalam masyarakat Melayu. Amalan budaya ini secara muafakatnya diterima sebagai rukun hidup bermasyarakat.

tidak mengugat pegangan terhadap agama dan budaya.

Generasi muda menjadikan yang lama sebagai rujukan kehidupan. Maka semua amalan budaya itu diulang dan diturunkan, begitulah kitaran kelestarian budaya dalam masyarakat Melayu. Amalan budaya ini secara muafakatnya diterima sebagai rukun hidup bermasyarakat.

Hal ini saya fikir bertepatan dengan catatan ahli antropologi E.B Taylor. Dalam satu catatan Taylor berkata budaya adalah semua mengenai adat dan tingkah laku sosial individu atau masyarakat.

Kemudian berubah menjadi satu cara hidup yang dipupuk dan dibina oleh sekumpulan masyarakat. Budaya itu merangkumi ilmu, pengetahuan, kepercayaan, seni, moral dan

undang-undang.

Dalam konteks kampung saya, budaya menjadi acuan kehidupan yang datang dengan peraturan-peraturannya. Tidak ada undang-undang lain yang melingkari masyarakat kecuali budaya.

Perkara yang dilarang dalam budaya diambil sebagai sempadan dan tidak dilanggar demi muafakat yang dimeterai.

Kepercayaan bahawa agama dan budaya itu adalah undang-undang tertinggi amat ketara. Kalau ada sesuatu pertelahanan, orang kampung akan merujuk kembali pada budaya yang dalamnya ada adat tertentu.

Ketua masyarakat menjadi pendiri sekali gus melestarikan budaya yang diwarisi.

Muafakat menjadi teras kehidupan berbudaya dalam kalangan orang kampung. Muafakat menjadi kata utama hampir semua perkara yang melibatkan masyarakat.

Hasilnya wujud gotong-royong yang menjadi satu kaedah dalam menjalani kehidupan harian. Hal ini menepati pesan orang tua-tua, bulat air kerana pembetung, kuat manusia kerana muafakat.

Di kampung saya gotong-royong dalam konteks tertentu disebut 'berderau.' Misalnya 'berderau' menanam atau menuai padi.

Konsep 'berderau', ialah bekerja secara beramai-ramai, bergilir-gilir dan hasilnya kerja lebih cepat disiapkan berbanding diusahakan secara sendirian.

Konsep ini juga diamalkan dalam hal-hal sosial yang lain, misalnya kenduri-kendara. Walaupun tidak disebut 'berderau', akan tetapi semua ahli masyarakat

faham sekiranya salah seorang ahli masyarakat mengadakan kenduri, yang lain akan turut membantu.

Hal ini berkitaran, apabila yang pernah memberi bantuan mengadakan majlis, individu yang pernah dibantu dulu akan 'membalas' dengan menghulurkan bantuan berupa benda atau tenaga.

Saya menyaksikan sendiri peristiwa budaya ini berlaku dan tidak ada yang mengadakan majlis secara sendirian walaupun berkemampuan.

Pernah sekali orang kampung mengupah tukang masak untuk majlis kenduri kahwin di kampung. Dalam amalan di kampung semua kenduri-kendara dan segala majlis adalah hasil kerja sesama sendiri secara gotong-royong.

Maka orang kampung terasa di hati. Mengupah tukang masak untuk kenduri dilihat sebagai melanggar amalan sejak zaman-berzaman. Malah ada yang memulaukan, akan tetapi ketua masyarakat mententeramkan. Kenduri bukan sahaja menjamu makam tetapi semarak keakraban.

Bagi orang di kampung saya, kopi yang pahit menjadi manis apabila diminum bersama-sama. Kini barulah saya memahami tingginya budaya tradisi yang melingkari alam kanak-kanak saya.

Hal ini membuatkan saya sentiasa menghargai pengalaman budaya yang tidak berulang untuk kedua kalinya.

Sajak

TENTANG SABAR DAN SYUKUR

Mentari akhir Disember perlahan mendaki langit pagi dalam digerbungi sinar menumpahkan kilas hidayah kublatkan cinta pada-Nya agar usia karunia Ilahi ini kuat memanjat tangga munajat

Janji cinta pada-Mu dahulu sering tercalar walau berkali-kali ikrar dibakar selawat dan istighfar seringkali tercicir

Tuhan, Januari ini anugerahkan aku gebar sabar menghangatkan ingatanku tentang syukur agar dugaan besar terlihat kecil nikmat nan kecil terlihat besar.

Dayang Azizah M Salleh Gaya Heights, Petra Jaya.



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Masalah parkir hantui warga kota

SUDAHLAH masalah kesesakan lalu lintas saban hari menyiksa minda dan mencabar kesabaran warga kota Kuala Lumpur, satu lagi masalah yang menghantui mereka ialah tempat letak kereta yang sentiasa tidak cukup.

Ini menyebabkan mereka meletak kenderaan di tempat dilarang seperti bahu jalan, atau kawasan garisan kuning apabila berurusan di pejabat-pejabat kerajaan atau untuk urusan lain.

Adi tahu mereka sedar apa yang dilakukan menyalahi peraturan dan terpaksa menghadapi risiko tindakan daripada penguat kuasa. Namun orang ramai bagai sudah lali dengan keadaan ini kerana tidak ada pilihan. Kawasan parkir terhad sedangkan yang memerlukan ramai.

Sebenarnya situasi ini bukan sahaja dirasai di ibu kota, tetapi juga di pusat pentadbiran persekutuan Putrajaya. Orang ramai yang datang berurusan di pejabat-pejabat kerajaan sering menghadapi masalah parkir.

Mungkinkah aspek ini tidak diberi perhatian sewajarnya ketika merangka pelan pembangunan Putrajaya dahulu? Atau mungkin pertimbangannya ialah orang ramai sepatutnya lebih banyak menggunakan pengangkutan awam.

Menurut laporan, masalah parkir ini merebak kepada kaki tangan awam yang mendiami kuiters kerajaan di Putrajaya. Ini disebabkan sikap tidak bertanggungjawab individu tertentu meninggalkan kereta buruk dan rosak di kawasan parkir kuiters.

Kereta yang layak menjadi tukun tiruan ini terdampar tanpa dipeduli sehingga menghalang penghuni menggunakan kemudahan parkir. Dalam hubungan ini, Adi memuji sikap penguat kuasa Perbadanan Putrajaya (PPj) yang bertindak membuang kereta buruk tersebut.

Di Kuala Lumpur, masalah parkir bertambah serius kerana sikap orang ramai yang mementingkan diri sendiri. Misalnya di kawasan pejabat atau membeli-belah, banyak kawasan parkir dimonopoli oleh para pekerja pejabat.

Oleh kerana mereka datang lebih awal untuk bekerja, mereka memperoleh ruang parkir yang akan hanya dikosongkan apabila mereka habis kerja. Akibatnya orang ramai yang datang kemudian tidak mendapat tempat.

Ketika inilah mereka terpaksa parkir secara tidak sepatutnya seperti *double parking* walaupun itu akan menyusahkan pengguna lain, malah boleh mendatangkan pergaduhan kerana laluan terhalang.

Sikap pemilik kedai makan atau restoran turut menyebabkan



PERTAMBAHAN jumlah kenderaan di bandar raya juga menjelaskan kenapa masalah parkir meruncing.

parkir berkurangan. Pemilik restoran menjadikan kawasan parkir sebagai tempat pengunjung menjamu selera dengan meletakkan kerusi meja. Dari petang sehingga pagi esoknya mereka menguasai kawasan parkir ini.

Yang tidak meletakkan kerusi meja pula, meletakkan kon atau kerusi di ruang parkir hadapan kedai. Ini sering dilihat di kedai servis kenderaan yang menganggap kawasan parkir harta sendiri.

Jika diperhatikan di kawasan kediaman kondo mewah pula, ramai penghuni meletakkan kenderaan di jalan berhampiran kondo sehingga menyesakkan pergerakan. Ini mudah difahami kerana kondo menyediakan satu atau dua ruang parkir untuk setiap penghuni.

Namun ramai penghuni memiliki lebih daripada dua kenderaan. Apakah cara yang ada selain meletakkan kenderaan di jalan? Masalah mereka mungkin selesai, tetapi bagaimana dengan masalah pengguna jalan lain?

Kadangkala Adi kasihan terhadap orang ramai yang

dikenakan saman kerana meletakkan kenderaan sesuka hati. Jika tidak terpaksa, Adi rasa mereka tidak akan berbuat demikian kerana mereka sendiri tidak selesa meninggalkan kenderaan di tempat dilarang.

Tetapi pihak penguatkuasa juga ada tanggungjawab untuk memastikan kenderaan tidak diparkir sesuka hati sehingga mengganggu pergerakan orang ramai serta menghalang kelancaran lalu lintas.

Adi sedar proses pembangunan di Kuala Lumpur menyebabkan keperluan kawasan parkir makin mendesak, baik di kawasan kediaman, pusat membeli-belah, pejabat, tempat menjamu selera dan sebagainya.

Pertambahan jumlah kenderaan di bandar raya juga menjelaskan kenapa masalah parkir meruncing. Terlalu banyak kenderaan sedangkan ruang parkir sedikit. Ditambah dengan sikap buruk setengah pihak yang memonopoli kawasan parkir, keadaan semakin teruk.

Justeru Adi berpendapat, dalam meluluskan pelan pembangunan di Kuala Lumpur,

“Kadangkala Adi kasihan terhadap orang ramai yang dikenakan saman kerana meletakkan kenderaan sesuka hati. Jika tidak terpaksa, Adi rasa mereka tidak akan berbuat demikian kerana mereka sendiri tidak selesa meninggalkan kenderaan di tempat dilarang.”

pihak bertanggungjawab iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu berusaha memastikan sebarang pembangunan mesti mengambil kira keperluan tempat parkir.

Pada masa sama, ambil tindakan tegas kepada pihak yang sesuka hati ‘mengambil alih’ parkir atau memonopoli kawasan berkenaan. Mereka yang sesuka hati meletakkan kerusi meja, kon atau sebagainya bagi menghalang orang ramai menggunakan parkir, hendaklah diambil tindakan tegas.

Adi tertarik dengan langkah Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) yang tidak memberi muka kepada golongan seperti ini. Datuk Bandar MBJB, Datuk Mohd Noorazam Osman menegaskan mana-mana premis dalam bidang kuasa MBJB yang didapati ‘menempah’ ruang parkir dengan meletakkan pelbagai halangan, berdepan denda sehingga RM500.

Pada Adi, cara yang sama boleh dilaksanakan di ibu negara atau Putrajaya. Semakin kerap melakukan kesalahan, semakin banyak denda dikenakan. Jika masih tetap degil dan menunjukkan sikap angkuh berterusan, batalkan sahaja lesen niaga premis berkenaan.

Selama ini pun Adi saksikan pihak DBKL bertindak terhadap pemilik restoran yang memonopoli kawasan parkir dengan menyita kerusi meja. Tetapi mereka tidak serik.

Ramai pula pemilik premis makanan ini yang degil. Pagi diangkut, petang nanti akan kembali meletakkan kerusi meja. Orang seperti inilah yang tidak patut diberi belas kasihan kerana hanya memikirkan kepentingan diri.

Ramai berpendapat antara cara mengatasi masalah parkir ialah menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam. Bukan sahaja mereka tidak menghadapi masalah parkir, tetapi membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas di ibu negara.

Ketika ini pun sudah ramai menggunakan pengangkutan awam, terutama monorel, Transit Aliran Ringan (LRT) dan Transit Aliran Massa (MRT). Ini kerana khidmat pengangkutan ini lebih dipercayai daripada segi jangka waktu perjalanan memandangkan ia mempunyai laluan sendiri.

Pengangkutan awam lain seperti bas atau teksi terpaksa bersesak dengan kenderaan lain di jalan raya. Kerana itu jangka waktu perjalanan sukar diramal.

Mulai Mac ini, laluan MRT ke Putrajaya akan dibuka sepenuhnya. Kini perkhidmatannya adalah antara Kwasa Damansara dan Kampung Batu. Dengan pembukaan laluan Kampung Batu ke Putrajaya nanti akan lengkaplah laluan MRT berkenaan.

Diharap lebih ramai akan menggunakan perkhidmatan tersebut. Tidak perlu berkenderaan sendiri dan kemudian pening memikirkan di mana akan parkir kenderaan di Putrajaya. Khidmat bas seperti Nadiputra juga ada di sana untuk membawa orang ramai ke destinasi tertentu.

Adi percaya dengan penambahbaikan sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur dan masalah seperti perkhidmatan tergendala diatasi, serta pelan perancangan memperluas rangkaian LRT di ibu negara dilaksana, lebih ramai akan menggunakan pengangkutan awam.

Namun isu kurang parkir tidak harus dilupakan. Ini antara tugas mencabar DBKL. Berapa ramai pun yang akan menggunakan perkhidmatan awam, ramai juga masih memilih berkenderaan sendiri. Mereka memerlukan parkir mencukupi!

Adi—Pernah kena saman parkir

Ali Feah



Sajak
TENTANG SETIA II

Walet di julai pukul lima bertanya kepada pohon tua tidakkah ia merasa jemu menjadi penunggu... pukul lima pun menjawab, "berkali aku terbang seperti sampai ke perdu pelangi..., keinginan aneh-aneh sering kutemui di sepanjang episod mimpi namun aku kembali lagi ke sini ke hakikat maha benar. menunggu singgahmu, di ranting sunyiku.

Ibnu Din Assingkiri
Batu Kawan, Pulau Pinang.

YWP fokus aspek fizikal, mental atlet

Debaran PESAYA-14 kian terasa

HAZIRAH HALIM

MENJELANG Pesta Sukan Yayasan SeMalaysia (PESAYA) ke-14 yang bakal diadakan pada 10 hingga 19 Februari ini, satu sesi mesyuarat melibatkan 13 yayasan negeri terlibat telah diadakan di Sarawak, baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa PESAYA Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), **Mohd Farhan Azhari** memaklumkan sesi mesyuarat itu diadakan bagi menjelaskan persediaan yang telah dilakukan oleh pihak tuan rumah, negeri Sarawak.

"Pada sesi mesyuarat yang diadakan selama tiga hari iaitu 3 dan 4 Januari lalu, kami diberi penerangan berkenaan lokasi permainan, tempat tinggal atlet dan jurulatih serta prosedur ketika PESAYA berlangsung dan sesi pengundian penetapan 13 kumpulan negeri terlibat."



MOHD FARHAN

"Kami turut dimaklumkan bahawa acara pembukaan akan berlangsung dengan penuh giang-gemilang pada 10 Februari manakala acara penutup yang bertemakan batik pula akan diadakan pada 20 Februari ini di satu lokasi yang akan diberitahu kelak," katanya.

Terdahulu, Mohd Farhan menghadiri sesi mesyuarat tersebut bersama Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun serta beberapa wakil jawatankuasa tertinggi PESAYA YWP.

Berkongsi lanjut, fokus YWP ketika ini adalah memantapkan strategi dan stamina menerusi latihan kecergasan bersama jurulatih selain menumpukan aspek kekuatan fizikal dan mental atlet.

"Berdasarkan pemantauan, boleh dikatakan hampir 50 peratus persiapan akhir sedang giat dilakukan oleh setiap atlet bersama jurulatih



PARA atlet YWP sentiasa komited menjalani sesi latihan.

pasukan. Latihan kami di sini bukan sahaja merangkumi aspek fizikal, mental dan kecergasan pemain bahkan pemantapan strategi permainan turut menjadi fokus utama.

"Dengan adanya latihan berterusan menerusi bantuan daripada jurulatih, insya-Allah para atlet bersedia sekali gus menyas-

kan sekurang-kurangnya mara ke peringkat separuh akhir atau membawa pulang lima pingat daripada 11 acara yang disertai," katanya.

Tambahnya lagi, lima sukan yang menjadi sasaran pingat adalah boling, futsal wanita, esports, dart dan badminton manakala acara lain turut diharapkan mem-

ADUAN DBKL Tel : 03-2617 9000	Perbadanan Putrajaya Tel : 03-8887 7000 Aduan : 03-8887 3000	Perbadanan Labuan Tel : 087-408600 Aduan : 087-408852	Wilayahku WhatsApp : 011-5958 7489
---	---	--	---

beri saingan sangat sehingga ke peringkat separuh akhir.

"Walau bagaimanapun, empat yayasan yang dijangka bakal memberi saingan sangat berdasarkan edisi pada tahun sebelum ini adalah Johor, Pahang, Sabah dan Sarawak," ujarnya

WK

Kempen AngPOW MelamPOW tawar ganjaran menarik

SABRINA SABRE

TAHUN baharu membuka tirainya dengan membawa lebih keseronokan apabila perkhidmatan mudah alih pertama di Malaysia, Yoodo, melancarkan Kempen AngPOW MelamPOW dengan menawarkan pelan yang boleh diubah suai sepenuhnya dan 100 peratus digital.

Menurut Ketua Yodo, **Chow Tuck Mun**, kempen tersebut menawarkan 80GB angpau percuma kepada semua pelanggan yang beralih daripada talian telco mereka yang lain (*Port-In*) kepada Yodo bermula 6 Januari hingga 28 Februari 2023.

"Kempen itu dilaksanakan bertujuan menggalakkan pelanggan menukar talian mudah

alih mereka kepada Yodo untuk menikmati ganjaran 80GB percuma.

"Dalam budaya masyarakat Cina, arnab dikenali sebagai haiwan yang paling bertuah dari 12 haiwan dalam kalender zodiak. Sempena ketibaan tahun 2023, kami ingin menyebarkan tuah dan kemakmuran bersama pengguna Yodo selain menyambut tahun baharu dengan tawaran perayaan yang menarik," katanya.

Tambah Tuck Mun, dengan Kempen AngPOW MelamPOW, pengguna akan menikmati penjimatan eksklusif dengan tawaran 'ONG-some' Yodo.

"Untuk menyertai kempen ini dan meraih ganjaran tersebut, pelanggan hanya perlu

memuat turun aplikasi Yodo, menempah SIM, kekal nomor asal dan menukarannya kepada Yodo.

"Seterusnya pelanggan perlu membuat tambah nilai RM38 minimum dalam satu transaksi bagi tempoh lapan hari selepas menerima pemberitahuan kempen melalui emel dan aplikasi daripada Yodo," jelasnya selepas melakukan langkah-langkah ini, pengguna kini boleh menikmati 80GB AngPOW MelamPOW.

Buat pengguna yang berminat untuk mengetahui maklumat mengenai Kempen AngPOW MelamPOW Yodo, boleh layari laman sesawang <https://www.yodo.com.my/cny2023>. WK



Bantu mangsa banjir, kebakaran tanda YWP prihatin

DEEL ANJER

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) sentiasa cakna dengan kesusahan rakyat terutama warga Wilayah Persekutuan sekali gus berusaha meringankan beban yang ditanggung oleh mereka.

Selain membantu menaik taraf hidup golongan yang berpendapatan rendah dan memerlukan, YWP juga sering membantu rakyat yang ditimpah musibah atau bencana alam seperti banjir dan kebakaran.

Berkongsi pengalaman dengan Wilayahku, Eksekutif Junior Bahagian Pembangunan Komuniti Jabatan Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama & Teknologi (P.E.S.A.T), YWP, **Muhamad Burhanuddin Saffami**, 27, mengakui YWP sentiasa peka dengan hal tersebut.

"Saya banyak terlibat dengan program komuniti dan bangga kerana YWP sentiasa menjadi antara

yang terawal membantu mangsa," ujarnya yang pernah ditugaskan mengawal selia Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru ketika banjir di Kuala Lumpur tahun lalu.

Ujarnya, biarpun keadaan mangsa ketika itu agak kelam kabut, namun mereka ditugaskan untuk mententeramkan keadaan seterusnya memberi bantuan segera yang diperlukan.

"Pada peringkat YWP biasanya mangsa akan dibekalkan dengan keperluan asas seperti tilam, selimut, lampin pakai buang, bekalan perubatan dan pelbagai bantuan asas lain," katanya.

Turut berpeluang membantu mangsa kebakaran di Pasar Datuk Keramat, Kuala Lumpur tahun lalu, dia berkata selain bantuan dari segi sumbangan makanan serta wang tunai, YWP turut memberi



MUHAMAD Burhanuddin (kiri) ketika menyampaikan sumbangan kepada mangsa kebakaran rumah di Pasar Datuk Keramat, Mohd Sharil Suondoh, tahun lalu.

semangat kepada mangsa untuk meruskan kehidupan.

ketabahan mangsa yang diuji.

Dalam masa yang sama, dia juga berasa bertuah kerana banyak pengajaran yang diperolehi sepanjang terlibat dalam misi bantuan dan menjadikan dirinya seorang yang lebih bersyukur serta peka dengan orang sekeliling. WK

Yayasan Wilayah Persekutuan

Lokasi: Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

Objektif: Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

Hubungi: 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

WhatsApp: 019-348 3073

E-mel: info@yayasanwp.org.my

Laman sesawang: www.yayasanwp.org.my

Anak Syarikat: Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (Wilayahku)

Laman sosial YWP: Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok: [yayasanwp](https://www.facebook.com/yayasanwp)

REALITI KEHIDUPAN

Rakota

13 - 19 JANUARI 2023 . Bil 198

Wilayah Ku

FESTIVAL TAMAN KUALA LUMPUR 2023

KL Park Festival 2023



Tonjol kreativiti warga kota

SEBAGAI sebuah bandar raya mampan, Kuala Lumpur telah menjadi contoh kepada banyak perbandaran lain dalam negara ini yang mengetengahkan reka bentuk landskap berpandukan kepada elemen kemampanan dan kelestarian menerusi Matlamat Pembangunan Mampan ataupun *Sustainable Development Goals (SDGs)*.

Inisiatif penghijauan dan pengindahan bandar melalui Festival Taman Kuala Lumpur (KL PF) 2023 ini melibatkan penyertaan komuniti yang bertujuan mendidik masyarakat mengenai kepentingan

bersama dalam membangkai kesepakatan terutama dalam aktiviti fizikal yang menjadikan ruang kediaman lebih menarik.

KL PF 2023 yang julung kali bakal dianjurkan ini mampu mencipta projek penghijauan bandar yang menyediakan akses kepada pakar seni reka bentuk landskap selain interaksi komuniti yang lebih baik sesuai dengan matlamat Kuala Lumpur ke arah bandar raya bebas karbon menjelang 2030.

SAMBUNGAN DI MUKA 10



FESTIVAL TAMAN KUALA LUMPUR 2023

TEMPAT / VENUE
TAMAN TASIK TITIWANGSA

TARikh / DATE
TARikh BAHRU / NEW DATES
4-12 MARCH 2023

WAKTU / TIME
9AM - 10PM



AZLAN ZAMBRY

DARI MUKA 9

SENI landskap adalah sebahagian daripada kehidupan masyarakat moden hari ini di samping turut menjadi komponen terpenting dalam mewujudkan gaya hidup yang sihat. Ia turut menjadi akses kepada pembentukan komuniti yang menggalakkan kesejahteraan manusia dengan aktiviti pembangunan persekitaran yang menawarkan faedah sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Meskipun Kuala Lumpur masih rancak dibangunkan dengan bangunan pencakar langit, seni landskap tidak dikesampingkan kerana ia merupakan pakej pengindahan bandar raya yang dibangunkan mengikut keunikan bagi menjadikannya ruang luar guna sama lebih menarik.

Pembabitan warga kota dalam seni landskap ini dilihat mampu merangsang pemberdayaan sosial dan komuniti yang sejahtera melalui pembangunan 'Live, Work, Play' yang menggabungkan aktiviti fizikal ke dalam komponen kehidupan searian.

Memenuhi aspirasi tersebut, Kuala Lumpur Park Festival (KL PF) 2023 yang bakal berlangsung pada 4 hingga 12 Mac ini adalah satu program yang melibatkan komuniti dan individu secara langsung dalam meningkatkan minat terhadap seni bina dan landskap serta budaya menanam pokok terutamanya di Kuala Lumpur.

KL PF 2023 merupakan cetusan idea Kementerian Wilayah Persekutuan (kini dikenali sebagai Jabatan Wilayah Persekutuan) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berikutan kejayaan Kuala Lumpur Orchid and Bonsai Show (KLOBS) yang telah diadakan empat kali sebelum ini iaitu pada 2012, 2014, 2015 dan 2017.

Penjenamaan semula ini bertujuan untuk mempromosikan budaya berkebun dan menggalakkan penglibatan aktif warga kota dalam aktiviti sihat selain mendedahkan kepada pengunjung mengenai idea baharu dalam menghias ruang kediaman mereka yang kini mampu menjadi

terapi kepada mereka.

Mengangkat tema 'Laman Seni dan Flora Malaysia', KL PF 2023 bakal mengetengahkan bakat tempatan dan reka bentuk landskap yang berdasarkan bunga-bunga dan tumbuhan rasmi bandar-bandar dalam negara dan semestinya mempunyai karakter yang unik.

Pakar-pakar seni bina landskap dari Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM) akan memainkan peranan dalam mendidik dan memberi panduan dalam menghasilkan reka bentuk laman, arca dan sebagainya dalam setiap kategori pertandingan.

LIMA TONGGAK UTAMA

KL PF 2023 akan mempersembahkan pertunjukan yang berdasarkan aktiviti dan pertandingan laman serta seni arca yang terbuka kepada warga kota yang akan diketengahkan.

Selain itu, festival ini juga bakal mengetengahkan lima tonggak utama yang akan diketengahkan iaitu *Balcony KL Showdown; Environmental Arts Competition; Malaysian Art and Flora Gardens; Mystical Dome of Titiwangsa* dan *Garden of Heaven*.

Balcony KL Showdown ini berbentuk pertandingan yang akan mempertontonkan hasil reka bentuk unik di mana akan dibina dan dihias di ruang balkoni yang disediakan. Ia merupakan julung kali diperkenalkan bagi membuka peluang kepada orang awam untuk menunjukkan kreativiti dan mempelajari cara menghias serta mengekalkan fungsi ruang balkoni sebagai ruangan

santai di luar.

Pertandingan dijalankan secara berkumpulan dan tidak melebihi lima orang. Peserta perlu menghantar lukisan danuraian konsep dihantar dalam borang penyertaan dan mereka akan diberikan nilai subsidi RM2,000.

Untuk *Environmental Arts Competition* ini merupakan pertandingan seni kreatif dalam penghasilan arca menggunakan bahan-bahan semula jadi. Seni arca ini akan dipertandingkan dalam tiga bentuk iaitu atas permukaan tanah, tergantung dan terapung di atas permukaan tasik. Nilai subsidi untuk setiap pasukan yang bertanding adalah RM1,500.

Garden of Heaven adalah pertunjukan pihak penganjur dan penaja yang bertujuan untuk memberikan inspirasi reka bentuk laman kediaman kepada pengunjung manakala pengunjung akan merasai suasana mistik di *Mystical Titiwangsa Dome* yang akan menampilkan pereka tempatan dan antarabangsa mempersembahkan rekaan masing-masing.

Tonggak terakhir iaitu *Malaysia Arts and Flora Garden* iaitu pertunjukan reka bentuk berkonsepkan *Outdoor Living Space* yang direka oleh Pihak Berkua Tempatan (PBT) atau kerajaan negeri yang berdasarkan tumbuhan atau bunga rasmi bandar-bandar di Malaysia.

Selain daripada lima tonggak utama KL PF 2023, terdapat juga pertandingan lain seperti pertandingan hiasan terrarium untuk kategori sekolah, pertandingan video pendek dan fotografi yang menyasarkan 13

tahun dan ke atas serta kesemua pertandingan adalah secara percuma.

LEBIH 10 ACARA LAIN

SELAIN daripada lima tonggak utama KL PF 2023, terdapat lebih 10 acara lain demi memastikan penganjuran festival ini mendapat perhatian seisi keluarga termasuklah *Fun Run; Night Hunt; Sukan Futsal; Pertandingan Zumba; Acara Melukis & Mewarna; E-Market Place; Student Hub; Lepak Corner dan Outdoor Adventures, Pameran Kebun-Kebun Komuniti Kuala Lumpur LA21, Persembahan Orkestra dan Kebudayaan, Sesi Ceramah (Pocket Talk)*.

Pastinya festival ini adalah medan untuk menonjolkan keunikan *Art Installation* seperti *Colorful Hanging Float, Mountain Rhythm* dan *Magic Spring* serta laman-laman menarik yang boleh dijadikan 'Instagrammable Spots' kepada pelajar media sosial bagi dimuat naik ke laman-laman sosial para pengunjung.

Untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai pertandingan dan pengisian di dalam KL PF 2023 ini, orang ramai yang berminat boleh memperolehi maklumat berkaitan di laman sesawang www.klparkfestival.com atau melalui

media sosial rasmi program ini iaitu Instagram: [@klparkfestival](https://www.instagram.com/klparkfestival) dan Facebook Page: **KL Park Festival**.

W.K

**LAMAN SENI DAN FLORA MALAYSIA****LAMAN KEDIAMAN**

Tingkat kesedaran masyarakat tentang landskap

KESEDARAN masyarakat untuk terbabit dalam landskap perlu dipertingkatkan kerana ia telah menjadi sebahagian dalam kehidupan warga kota terutama di dalam bandar raya yang menekankan soal kelestarian dan kemampungan seperti Kuala Lumpur.

Presiden Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM), **Profesor Madya L.A. Dr Nor Atiah Ismail** berkata banyak projek yang dijalankan sudah mula mengambil serius tentang aplikasi Landskap yang menyumbang kepada keseimbangan rekabentuk alam dan manusia.

"Mengambil contoh inisiatif oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Projek 'River of Life' yang menaiktaraf kawasan warisan tanpa menjelaskan nilai sejarah yang ada. Projek ini bukan hanya menaik taraf kawasan rekreasi untuk warga kota, malah ia juga menjadi salah satu elemen yang penting untuk mengurangkan risiko banjir di ibu negara."

"Selain itu, dengan pembangunan kawasan hijau dan taman-taman awam seperti Taman Titiwangsa dan Taman Tasik Pemaisuri jelas memperlihatkan bahawa orang awam menyambut baik inisiatif tersebut dengan menjadikan ia sebagai kawasan sukan dan riadah terutamanya selepas pandemik COVID-19," katanya kepada *Wilayahku* pada Khamis.

Tambahnya, pertumbuhan kebun-kebun bandar juga boleh dilihat semakin mendapat perhatian orang ramai dan ia merupakan perkembangan yang baik dalam memenuhi aspirasi



Kuala Lumpur Rendah Karbon 2030.

Menurutnya, sebagai organisasi profesional yang berperanan untuk mendukung industri seni bina landskap negara melalui pengawasan, perancangan dan pengaplikasian reka bentuk landskap yang ada di dalam negara, pihaknya bertanggungjawab penting untuk memastikan keseimbangan rekabentuk alam dan manusia.

"Reka bentuk landskap yang baik dapat membantu menurunkan suhu

bandar, membina ruang persekitaran kondusif dan ekologi alam bandar

yang lebih stabil sekali gus dapat membantu menyediakan kehidupan yang lebih baik untuk masyarakat," katanya.

Menurut Nor Atiah, ILAM yang merupakan rakan kolaborasi DBKL dalam penganjuran KL PF 2023 ini berperanan untuk menguruskan beberapa pertandingan yang dijalankan selain

mencungkil bakat baharu dan memberikan pendidikan mengenai seni

bina landskap.

"Acara yang dihasilkan ini melibatkan semua pihak kerana kami bersama DBKL percaya bahawa komponen yang paling penting dalam sesuatu perbandaran adalah interaksi yang sihat di antara manusia dan alam sekitar."

"Kami juga memberi sokongan kepada ahli-ahli profesional kami untuk turut sama turun padang dan membantu para peserta dalam pertandingan tersebut untuk bukan sekadar menghasilkan reka bentuk yang cantik dan unik, malahan akan bermanfaat kepada orang awam dalam kehidupan sehari-hari mereka," katanya.

Beliau juga berharap agar penganjuran KL PF 2023 boleh menjadi suatu acara tahunan yang dapat memperkasakan Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang lestari selari dengan rangka *Sustainable Development Goals (SDGs)*.

"Selain Itu; ILAM juga berharap dapat kongsi ilmu seni bina landskap, di mana ia merupakan salah satu elemen yang penting dalam pembangunan bandar lestari, pintar dan karbon rendah kepada orang awam serta dapat bersama menyumbang kapakaran dan inspirasi kami untuk membina negara lestari bersama komuniti yang sejahtera," katanya. **W.K**



NOR ATIAH





Foto: AMIN FARIJ HASAN



PARA penyokong pasukan kebangsaan membanjiri Dataran Putrajaya. Presint 3 bagi menyaksikan siaran langsung paparan skrin besar perlawanan separuh akhir kedua Piala AFF Mitsubishi Electric 2022 di antara pasukan Malaysia menentang pasukan Thailand ketika tinjauan Wilayahku di Putrajaya pada Selasa lalu. Turut hadir Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh.



Foto: SYUQQREE MOHD DAIN



PEJABAT Wilayahku menerima kunjungan 42 orang pelajar bersama lima guru pengiring dari SMK Dato Shamsudin Nain, Rantau Negeri Sembilan bagi tujuan lawatan sambil belajar. Rombongan itu disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan, Datuk Zaizalnizam Zainun dan Pengurus Besar Wilayahku, Azlan Abdul Aziz.

Kisah kahwin Syamsul Yusof hangat di Indonesia



DEEL ANJER



SYAMSUL YUSOF & IRA KAZAR

SEHINGGA ke saat ini, kisah sensasi perkahwinan pengarah filem **Syamsul Yusof**, 39, masih menjadi topik perbualan masyarakat mahupun netizen.

Kisah perkahwinan keduanya bersama wanita yang bernama Ira Kazar ini bukan sahaja hangat di negara kita, malah turut diperkatakan dan mendapat liputan portal-portal hiburan di Indonesia.

Menerusi carian tajuk, berita yang ditulis merangkumi kecurangan, perampus serta perkahwinan yang tidak direstui ibu.



Syamsul memang sudah dikenali di negara itu kerana filem arahannya Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan pada tahun lalu, namun apa yang mengejutkan nama kedua-dua isterinya iaitu Puteri Sarah Liyana dan Ira Kazar juga turut diperkatakan.

Tidak ketinggalan ibunya, Datin Patimah Ismail yang tidak merestui perkahwinan keduanya itu turut mendapat perhatian media negara seberang.

Bukan sahaja di Malaysia, nampaknya isu curang dan berkahwin lain tanpa kebenaran amat dekat di hati masyarakat negara serumpun kita itu juga.

Pada Jumaat minggu lepas, Syamsul menerusi video yang dimuat naik di Instagram mengumumkan dia sudah berkahwin kali kedua dengan wanita pilihan hatinya itu di Thailand.

Majlis akad nikah pasangan yang sudah menjalinkan hubungan cinta selama empat tahun itu diwalikan sendiri oleh bapa Ira iaitu pelakon veteran, Kazar Saisi.

Sebelum ini, kemelut rumah tangga Syamsul dan isteri pertama, Puteri Sarah menjadi perhatian industri seni sejak tahun lalu selepas pendedahan Sarah berhubung tindakan undang-undang perlu diambilnya berikutan dakwaan gangguan rumah tangga oleh 'orang ketiga'.



Kenapa netizen simpati dengan Ira Kazar?

JIKA dilihat dalam media sosial, rata-rata netizen lebih menyebelahi isteri pertama Syamsul Yusof iaitu Puteri Sarah Liyana.

Namun terdapat segelintir yang dilihat bersimpati dengan nasib Ira Kazar yang berkahwin ala kadar walaupun itu adalah perkahwinan pertamanya.

Namun, ada sesetengah netizen menganggap simpati itu sebenarnya adalah berniat menyindir Ira.

Mana tidaknya, buat perkahwinan kali pertama, Ira sama sekali tidak perluang merasai majlis perkahwinan seperti wanita lain. Tambahan pula majlis nikah diadakan di Thailand tanpa keluarga, saudara-mara dan teman-teman.

"Kesiannya dia. Nak sangat kahwin dengan laki orang sampai sanggup korbankan, kahwin senyap-senyap kat Thailand. Pakai biasa-biasa tak ada mekap, tak ada inai, tak ada baju cantik-cantik macam yang kita idamkan dari kecil," kata seorang pengguna media sosial.

"Sedihnya jadi Ira Kazar! Dahlah kali pertama berkahwin, tidak ada majlis rasmi, baju nikah pun tangkap muat. Nikah pun kat Siam je, keluarga mentua pun tak sokong. Berbanding dengan pernikahan Puteri Sarah dulu beza jauh langit dari bumi," tulis netizen.

'Nak kahwin kali kedua, minta izin isteri pertama' — UAI

ISU poligami semakin hangat diperkatakan apabila kisah perkahwinan kedua Syamsul Yusof menjadi perbualan dalam masyarakat dan media sosial.

Perkahwinan Syamsul dengan isteri keduanya Ira Kazar menjadikan video lama **Ustaz Azhar Idrus** tentang perkahwinan kedua tanpa izin isteri kembali tular.

"Hukumnya (berpoligami) sah tapi perbuatan tu tak betul kerana perkahwinan ini ialah bergembira bukan bersedih."

"Maka kita ada isteri pertama, kita kahwin yang kedua, bermakna daripada dua orang menjadi tiga. Biarlah ketiga-tiga ini gembira. Itu kaedahnya."

"Bukan dua orang sahaja yang suka, tetapi yang pertama menangis. Jadi kena minta izin 'Saya nak berkahwin seorang lagi. Inilah orangnya, berkenan atau tidak.'

"Jangan sembunyi-sembunyi."



USTAZ AZHAR


Kalau bini kita tipu, kita marah tak? Jadi apabila kita kahwin senyap-senyap, menipu isteri tu.

"Dia ingat dia tak bermadu. Jadi dia tertipu," jelasnya yang berharap suami berusaha meminta keizinan sehingga isteri pertama membenarkan perkahwinan kali keduanya.

Ustaz Azhar juga mengingatkan para suami di luar sana agar sentiasa menghargai pengorbanan yang dilakukan oleh isteri pertama yang sanggup meninggalkan keluarga demi hidup bersamanya.

"Jasa dia besar dengan kita. Kenapa tipu dia? Mu (suami) tak betul. Biarlah kalau dia mengamuk, asalkan beritahu."

"Kalau tidak berani beritahu, sebenarnya awak tidak mampu. Orang yang mampu dia boleh panggil isterinya dan beritahu saya nak kahwin seorang lagi. Itu orang mampu," ujarnya lagi. **W.K**



"Tiada niat sindir Syamsul Yusof" — Ayu Damit

PENYANYI Ayu Damit menafikan dakwaan sesetengah netizen yang menganggap lagu baharunya yang berjudul Kejam ini ada kaitan dengan kekejaman seorang lelaki namun bukanlah ditujukan khusus kepada seseorang.

"Apabila netizen bertanyakan saya di ruangan mesej personal, saya hanya jawab semuanya hanyalah ketebetulan."

"Lagu ini sebenarnya berkisarkan seorang wanita yang mengharapkan cinta daripada seorang lelaki namun tidak dibalas dan tiada kata putus yang dilafazkan."

"Apa yang sedih, wanita itu dilayan dengan begitu istimewa namun lelaki itu membuatnya seperti gantung tak bertali. Pendek kata, perasaan serta pengorbanan wanita tersebut tidak dihargai," katanya yang mengharapkan lagu Kejam mengulangi kejayaan Hanya Di Meru.

Lagu Kejam ciptaan Khairul Daniel dan lirik oleh Slen Fadzil dan Jay kini berada di semua platform digital.

MEDIA WARGA KOTA

Dapatkan

di lebih 500 lokasi

terpilih di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan

* Maklumat lanjut layari: www.wilayahku.com.my *



**SEBAHAGIAN LOKASI EDARAN
AKHAR WILAYAHU**

KUALA LUMPUR - JALAN MAHARAJALELA / KL SENTRAL: DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA ■ IBU PEJABAT BOMBA WILAYAH ■ SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD ■ KL SENTRAL ■ MIDA ■ JALAN CENDERASARI: KLINIK KESIHATAN TANGLIN ■ JABATAN KESIHATAN WILAYAH ■ **JALAN RAJA LAUT:** PEJABAT TANAH DAN GALIAN ■ KWSP JALAN RAJA LAUT ■ **JALAN PAHANG:** RUMAH PRIHATIN @ GRANDSEASONS ■ **JALANMASJIDINDIA:** PT10BUSINESSCENTRE ■ **KAMPUNGBARU:** YAYASANWILAYAH PERSEKUTUAN ■ KAMPUNGBARU ■ PASARAYAANGKASA ■ KEDAIRUNCITMJSTOREONE ■ KEDAI RUNCIT HAIRUL ZNZ ■ SABASUN HYPERUNCIT ■ PASAR MINI MEULUR SEJAHTERA ENTERPRISE ■ RESTORAN NASI LEMAK ANTARABANGSA ■ MINI CAFÉ URS ONE ENTERPRISE ■ WARUNG ISTANA MAJU ■ KEDAI RUNCIT STABLE KIOSK ■ WARUNG 19 ■ WARUNG NASI LEMAK WANJO ■ 7ELEVEN JALAN RAJA ALANG ■ KEDAI RUNCIT HARAPAN ABAH ENTERPRISE ■ KEDAI RUNCIT SINAR MAJU ■ 7ELEVEN STESEN LRT ■ **JALAN TUN RAZAK:** INSTITUT JANTUNG NEGARA ■ HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR ■ KLINIK KESIHATAN KUALA LUMPUR ■ PUSAT DARAH NEGARA ■ BERNAMA ■

PUTRAJAYA - PRESINT1: MASJID PUTRAJAYA ■ PEJABAT PERDANA MENTERI ■ JABATAN AUDIT NEGARA ■ KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA ■ KEMENTERIAN ALAM SEKITAR & AIR ■ BIRO BANTUAN GUAMAN ■ SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM ■ KEM PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI ■ JPM - PENGURUSAN HARTANAH ■ JABATAN KERJARAYA WILAYAH PERSEKUTUAN ■ PLAN MALAYSIA ■ JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA ■ KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA ■ KKM - PENGURUSAN PERUBATAN & PENYAKIT BERJANGKIT ■ KKM - KEJURUTERAAN ■ KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ■ BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN ■ BAHAGIAN TEKNIKAL & VOKASIONAL ■ LEMBAGA PERPERIKSAAN MALAYSIA ■ IKATAN RELAWAN RAKYAT ■ KEMENTERIAN DALAM NEGERI ■ KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA ■ JABATAN PERKHIDMATAN AWAM ■ KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI & INOVASI ■ SURUHANJAYA PEKHIDMATAN PERGURUAN ■ JABATAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA ■ JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI ■ JABATAN KERJARAYA - URUSAN BANGUNAN ■ **PRESINT 2:** KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ JABATAN AKAUNTAN NEGARA ■

LABUAN - PINTU KELUAR AIRPORT ■ SAVEMORE SUPERMARKET ■ BATARAS HYPERMARKET ■ LABUAN GOLF INTERNATIONAL CLUB ■ SUPERMARKET LAYANGAN ■ FAMILY MARKET ■ MUZIUM CHIMNEY ■ PALM BEACH RESORT ■ MASJID AN NUR LAYANGAN ■ AIFA HOTEL ■ HOTEL PULAU LABUAN ■ TIARA HOTEL ■ HOTEL LABUAN POINT ■ LAZENDA HOTEL ■ MOTAC (SEASPORT KOMPLEKS) ■ KOMPLEKS KOMUNIKASI MULTIMEDIA MALAYSIA ■ HOSPITAL LAMA ■ BETA APARTMENT ■ LOBBY LFS ■ LOBBY BLOK KERAJAAN ■ DORSETT HOTEL ■ IBU PEJABAT POLIS LABUAN ■ MASJID NURUL IMAN ■ PASAR SENTRAL (UTC) ■ MENARA PL ■ MASJID NUR IMAN ■ WISMA PL BLOK A ■ WISMA PL BLOK B ■ PEJABAT KPE ■ TERMINAL LDA ■ KASTAM ■ JPJ ■ JABATAN AIR ■ SESB ■ IBU PEJABAT BOMBA RANCH-RANCH ■ MUZIUM BANDAR ■ MASJID SULTAN MUHAMMAD V ■ BALAI BOMBA KAMPUNG JAWA ■ MASJID AN NUR (BANDAR) ■ MASJID AL FALAH ■ HOSPITAL MEMBEDAI ■ 218JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT ■

Sandwic daging belado jadi rebutan di Roti Si Jalanan



FOTO: SYUQQREE MOHD DAIN
DIANA AMIR

MENU sandwic ringkas biasanya mengetengahkan tuna sebagai inti. Namun idea yang dicetuskan pemilik gerai Roti Si Jalanan, **Fadli Shukri**, 39, dengan menggunakan pelbagai inti berasaskan resipi tradisional Melayu menarik perhatian ramai.

Pelbagai inti unik diketengahkan antaranya daging balado, ayam kentang kari, tuna mayo, crabstick mayo dan telur mayo.

Bercerita lanjut tentang sandwic yang dijual, Fadli berkata idea tersebut

bermula ketika pandemik COVID-19 yang mana dia membuka gerai pasta balado.

"Daripada situ juga saya terfikir untuk mengolah menu tersebut menjadi inti sandwic. Malah kini ia juga merupakan antara sandwic *best seller* di gerai Roti Si Jalanan," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Lebih unik lagi, dia menggunakan kroisan sebagai roti sandwic selain pembeli juga mempunyai pilihan roti lain seperti bun, roti john dan roti arab.

"Selain dijual secara *ala carte*, kita juga turut mempunyai set yang mana terdapat dua menu sampingan berbeza disediakan setiap hari antaranya potato

salad, salted corn, pasta salad, aglio olio, mac and cheese dan fruit salad," ujarnya.

Berkongsi tentang penerimaan orang ramai terhadap sandwic uniknya, Fadli berkata pada mulanya ramai yang pelik dengan inti yang diketengahkan namun dia tidak berputus asa untuk memperkenalkannya.

"Saya tidak mahu jual menu yang sama dengan orang lain dan mahukan kelainan supaya orang tidak cepat bosan. Sebab itu saya tidak galakkan pembeli untuk campur kerana saya mahu rasa bagi setiap inti yang dimakan itu kekal dalam ingatan mereka," ujarnya.

Tambahnya lagi, pada masa akan datang lebih banyak inti berasaskan resipi Melayu akan diperkenalkan selain mengharapkan orang ramai untuk terus menyokong gerai Roti Si Jalanan miliknya.

"Sos dan inti adalah resipi saya sendiri yang mana rasanya hanya boleh didapati di gerai Roti Si Jalanan sahaja. Terdapat dua hingga tiga pilihan inti sandwic yang bakal dikeluarkan yang mana rakyat Malaysia takkan terfikir bahawa makanan tersebut boleh dijadikan inti."

LOKASI BERBEZA, SAMBUTAN LUAR BIASA

MESKIPUN lokasi gerai Roti Si Jalanan berbeza setiap hari namun

sambutan yang diterima daripada pelanggan sangat memberangsangkan. Malah, mampu memberi pulangan mencecah puluhan ribu ringgit sebulan.

"Lokasi juga akan berubah sebagai contoh setiap Selasa dan Khamis kita

akan bermiaga di bangunan kerajaan di Putrajaya seperti Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Kewangan (MOF) dan banyak lagi. "Pelanggan juga boleh menggunakan #rotisijalanlokasi bagi mengetahui lokasi pada hari tersebut," katanya mengakui pada hari yang sibuk seperti Selasa dan Khamis, sebanyak 100 biji kroisan berjaya terjual berbanding hari biasa sebanyak 80 biji. **W.K**



FADLI bersama sandwic beraneka inti di gerai jualannya yang menarik perhatian ramai.

Beban kewangan dan hutang: Apakah solusinya?

AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT

REALITINYA, ialah sebahagian daripada kehidupan individu dan agak sukar untuk lari daripada hutang sepuhnya dalam memenuhi tuntutan hidup. Sesungguhnya, hutang tidak melanggar undang-undang, bahkan bukan satu kesalahan dalam agama, asalkan mengikut garis panduan yang ditetapkan. Bukan hutang yang menjadikan pengurusan kewangan setiap individu itu baik atau tidak, tetapi dirinya yang menguruskan hutang tersebut.

Kos sara hidup yang tinggi ditambah pula dengan tiada perancangan kewangan akan meninggikan lagi risiko keberhutangan yang serius. Masalah hutang tidak mengenal umur atau pekerjaan tetapi lebih kepada tiada perancangan dan mengurus kewangan kerana sebab-sebab seperti berikut:

i. Kurangnya ilmu kewangan - Contohnya, kurang pengetahuan dalam memahami terma kewangan yang digunakan dalam perjanjian pinjaman dan tidak tahu menganalisa status kemampuan sendiri.

ii. Tidak bersedia menghadapi kecemasan dan keadaan semasa - Tiada perancangan untuk menyediakan peruntukan kewangan atau perlindungan jika berlaku penyakit kritis, kehilangan upaya, kerosakan harta benda, kematian dan juga perubahan pada Kadar Dasar Semalam (OPR) yang memberi perubahan atau kesan kepada jumlah bayaran pinjaman semasa sekiranya tiada peruntukan tambahan disediakan serta seumpamanya.

iii. Gaya hidup yang melebihi kemampuan - Mengikut trend terkini dan berbelanja tanpa mempedulikan kemampuan dan hanya untuk memenuhi kemauan dan keinginan seperti obsesi dengan percutian dan aksesori mewah.


iv. Terjebak dengan Skim Cepat Kaya - Mahu cepat kaya tanpa banyak usaha yang membawa kepada keputusan untuk mengambil pinjaman yang besar tetapi akhirnya tidak mampu membayar balik.

Apakah tanda-tanda seseorang individu sedang menghadapi masalah kewangan?

- Kesempitan aliran tunai dan bergantung kepada kad kredit untuk menampung kos perbelanjaan.
- Bayaran balik pinjaman atau pembiayaan mula tertungggak.
- Membayar hutang mengikut pemilihan atau secara *alternate*.
- Menerima panggilan dan surat peringatan dari bank atau pemungut hutang.

Pada tahun 2018, berdasarkan kajian Agenzi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) Financial Behaviour Survey 2018 (AFBeS'18), AKPK dapat mengenal pasti faktor-faktor keberhutangan serius yang berikut:

1. Komitmen hutang berada melebihi



60 peratus daripada pendapatan sedia ada dan gaji bersih berbaki kurang daripada 40 peratus.

2. Tidak cukup wang perbelanjaan. Kajian mendapati tiga dari 10 orang (28 peratus) terpaksa membuat pinjaman untuk membeli barang keperluan harian.

AKPK, SAHABAT KEWANGAN DAN SOLUSI KEWANGAN ANDA

NAMUN begitu, bumi mana yang tidak ditimpah hujan. Sekiranya peminjam/pelanggan berhadapan dengan masalah kewangan atau gagal membayar balik pinjaman atau hutang disarankan untuk membuat langkah awal iaitu langkah 4A - Akui, Analisa, Ambil Tindakan dan AKPK Sahabat Kewangan Anda.

AKUI ANDA MEMPUNYAI MASALAH

BERANI untuk mengakui bahawa kita mempunyai masalah hutang yang tidak terurus atau tidak terkawal. Jangan sesekali lari atau mengelak tanpa cuba mencari jalan penyelesaian. Sekiranya tiada bayaran yang dibuat, masalah sedia ada tidak akan selesai dan institusi kewangan/penyedia kredit akan terus mengenakan faedah, caj lewat dan caj guaman ke atas pinjaman tersebut.

- Analisa kedudukan kewangan Hadapi keadaan dengan membuat analisis ke atas hutang-hutang yang sedia ada. Senaraikan kesemua jenis pinjaman sedia ada bersama institusi kewangan/penyedia kredit/pembiutang (bukan bank) dan juga ahli keluarga atau rakan-rakan dengan mengira jumlah pinjaman dan baki tempoh setiap pinjaman (berapa lama lagi akan habis dibayar). Di sini, kita boleh melihat gambaran keseluruhan keadaan hutang sedia ada dan pada masa yang sama boleh membuat perbandingan dengan keadaan

pendapatan kita.

AMBIL TINDAKAN

AMBIL tindakan untuk berunding dengan semua pemiutang bagi menjelaskan masalah kedudukan kewangan agar kita diberi peluang untuk membuat pemohonan menstrukturkan semula pinjaman/pembiayaan sedia ada. Antaranya, menjadualkan semula pinjaman/pembiayaan, menangguhkan pembayaran, membayar faedah sahaja, memanjangkan tempoh pinjaman, mengurangkan kadar faedah dan sebagainya.

AKPK SEBAGAI SAHABAT KEWANGAN ANDA



AKPK berperanan sebagai orang tengah antara peminjam dan penyedia kredit/kewangan untuk menstrukturkan semula pinjaman/pembiayaan mengikut aliran tunai semasa peminjam melalui Program Pengurusan Kredit (PPK) kepada individu dan Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK) kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) termasuk perusahaan mikro sekiranya permohonan secara terus dengan pihak bank tidak berjaya.

MENGENAI AKPK

AKPK ialah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2006 untuk membantu individu mengawal keadaan kewangan mereka dan memperoleh ketenangan fikiran melalui penggunaan kredit yang bijak.

Dengan mandat ini, AKPK menawarkan perkhidmatan Pendidikan Kewangan kepada individu dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui Portal POWER! dan Pusat Sumber yang boleh diakses melalui tapak web AKPK untuk pelbagai modul dan bahan pembelajaran kewangan dalam talian.

AKPK turut menawarkan khidmat Nasihat Kewangan dan bantuan Pengurusan Kredit melalui PPK untuk individu dan SPPK untuk PMKS yang melibatkan pelan bayaran balik pinjaman yang dipersetujui oleh peminjam dan institusi kewangan terlibat. Layari mybijakkewangan.akpk.org.my untuk slot janji temu bersama Penasihat Kewangan AKPK.

Seumah akses kepada sumber dan perkhidmatan AKPK termasuk Portal POWER! dan pusat sumber, boleh didapati melalui tapak web AKPK di www.akpk.org.my.

Maklumat dan akses kepada perkhidmatan, perkongsian tip dan bahan pembelajaran AKPK boleh juga diperolehi di platform-platform media sosial rasmi @AKPKOfficial.

Seumah khidmat nasihat kewangan dan pengurusan kredit oleh AKPK adalah PERCUMA dan AKPK TIDAK MELANTIK EJEN ATAU PIHAK KETIGA untuk mewakilinya dalam apa jua urusan.

Islam agama penuh keamanan, berperang pertahan hak

NURUL IZZAH ROSLY

ISLAM adalah agama yang diutuskan kepada Nabi Muhammad SAW oleh Allah SWT melalui perantaraan Jibril AS. Nabi Muhammad SAW telah diperintahkan untuk menyebarkan ajaran agama Islam kepada seluruh umat manusia pada ketika itu.

Namun pada waktu itu, agama Islam tidak diterima baik oleh masyarakat Arab. Hal ini demikian kerana ajaran agama Islam banyak yang berlawanan dengan budaya jahiliah mereka.


Pelbagai cabaran yang diterima oleh Nabi Muhammad SAW demi menyebarkan utusan Allah SWT. Baginda bukan sahaja dicaci, dihina malah turut diugut untuk dibunuhan selain terpaksa berperang dengan orang bukan Islam.

Maka, tercetusnya peperangan yang mana telah melibatkan agama Islam seperti Perang Uhud, Perang Badar dan Perang Khandaq.

Rentetan daripada peristiwa perang itu juga, kita sering dimomokkan dengan musuh Islam bahawa agama Islam berkembang kerana berperang lantas menganggap agama Islam adalah pengganas sekali gus menyebabkan mereka memandang serong terhadap agama Islam.

Namun hakikatnya perang yang berlaku dalam Islam adalah kerana ingin mempertahankan agama dan hak.

Menurut Syeikh Dr Yusuf Al-Qardawi, di dalam kitabnya iaitu Kitab Al-Jihad telah menyatakan



bahawa peperangan yang berlaku ketika itu adalah Jihad al-Difa' iaitu peperangan mempertahankan hak.

Berdasarkan surah Al-Baqarah ayat 190, Allah SWT telah berfirman "Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan) kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh".

Ayat ini jelas bahawa peperangan yang melibatkan agama Islam adalah untuk mempertahankan hak. Malah, punca-punca peperangan tercetus kerana pihak bukan Islam tidak

mahu menerima ajaran agama Islam dan tidak mahu berdamai dengan umat Islam.

Jika diimbaskan kembali sejarah perjalanan dakwah Nabi Muhammad SAW selama 13 tahun, baginda mengambil pendekatan seperti bersabar, tidak membala perbuatan jahat dan bertahan daripada segala tohmannan sebagai langkah awal dalam menyampaikan dakwah.

Jadi apabila dikatakan Islam adalah agama pengganas, ia adalah tidak berasas. Sekiranya ada permasalahan, baginda dan para sahabat akan berbincang dahulu bersama pihak musuh untuk berdamai. Peperangan adalah pilihan terakhir yang berlaku

sekiranya tiada kata sepakat antara kedua-dua pihak.

Keizinan untuk berperang diberi oleh Allah SWT untuk mempertahankan hak dan agama Islam.

Firman Allah SWT, "Dan berperanglah kamu pada jalan Allah (kerana mempertahankan kebenaran agamaNya); dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui" (Surah Al-Baqarah:244).

Selain mempertahankan agama dan hak, keizinan berperang dalam Islam diberi kerana beberapa faktor antaranya mengelakkan berlakunya kerosakan yang lebih besar, untuk memerangi sifat khianat dan mempertahankan diri.

Berdasarkan surah Al-Hajj ayat 40, Allah SWT berfirman; "Iaitu mereka yang diusir dari kampung halamannya dengan tidak berdasarkan sebarang alasan yang benar, (mereka diusir) semata-mata kerana mereka berkata:

"Tuhan kami ialah Allah". Dan kalaularah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengahnya yang lain, nescaya runtuhalah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani) dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi) serta masjid-masjid (orang Islam) yang sentiasa disebut nama Allah banyak-banyak padanya dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agamaNya (agama Islam); sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Kuasa."

Oleh itu, sebelum ingin

“Menurut Syeikh Dr Yusuf Al-Qardawi, di dalam kitabnya iaitu Kitab Al-Jihad telah menyatakan bahawa peperangan yang berlaku ketika itu adalah Jihad al-Difa’ iaitu peperangan mempertahankan hak.”

memutuskan tentang sesuatu perkara, kita haruslah memastikan maklumat yang diterima adalah betul dan sahih agar ia tidak mengundang kepada fitnah.

Sebagai umat Islam, kita mestilah berani menentang segala perkara yang tidak benar tentang agama Islam supaya maruah agama terjaga dan terpelihara.

Hal ini demikian kerana orang bukan Islam akan sentiasa melakukan propaganda tentang agama Islam supaya ia dipandang enteng oleh orang lain. Ini kerana sejak dulu lagi orang bukan Islam tidak dapat menerima kewujudan agama Islam.

Janganlah kita menjadi tali barut dalam agama sendiri. Orang bukan Islam sedaya upaya untuk menjatuhkan nama agama Islam walhal Nabi Muhammad SAW telah bersusah payah untuk menyebarkan agama yang mulia ini.

PENULIS merupakan pelajar Universiti Malaya (UM).

Nuhmar anjur pertemuan syarikat pelancongan, rakan strategik dari Timur Tengah



HAZIRAH HALIM

PEMBUKAAN semula pintu sempadan negara pada Disember 2022 memberi sinar kepada sektor pelancongan selepas terjejas dua tahun susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana penularan wabak COVID-19.

Kesan daripada penutupan pintu keluar masuk ke negara disebabkan pandemik telah menjelaskan sektor pelancongan dan juga menyekat peluang masyarakat Islam di seluruh dunia untuk melakukan ibadah umrah dan haji.

Tambahan lagi, pada 9 Januari lalu media dimaklumkan akan berlakunya peningkatan harga perkhidmatan ibadah umrah dan kadar harga hotel sekali gus menyebabkan jemaah terpaksa menanggung kenaikan melebihi 50 peratus berbanding pakej asal yang ditempat.



AZHAR

Berkongsi pandangan mengenai isu tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif Nuhmar Sdn Bhd, **Azhar Othman** berkata keputusan menaikkan atau menurunkan harga hotel adalah tertakluk kepada keputusan daripada syarikat perhotelan kerana kita perlu sedar akan adanya konsep permintaan dan penawaran.

“Sebagai contoh, kebanyakan syarikat agensi pelancongan umrah dan haji mempromosikan pakej perkhidmatan mereka dengan menyatakan jarak hotel adalah lebih kurang 50 meter dengan Masjid Nabawi di Madinah.

“Sebagai pelancong, mestilah kita tertarik untuk menetap di hotel yang dekat dan mudah untuk bergerak, jadi secara tidak langsung perkara ini yang mendorong syarikat perhotelan tersebut menaikkan kadar

harga hotel kerana berlakunya lebihan permintaan daripada seluruh masyarakat dunia,” katanya ketika ditemui *Wilayahku* selepas Majlis Pelancaran Produk Umrah dan Riadah 2023 di MATIC, Jalan Ampang, Kuala Lumpur pada Selasa.



AZHAR (dua dari kiri) bersama wakil-wakil agensi pelancongan yang terdiri daripada syarikat penerbangan AirArabia, Saudi Tourism Authority dan Zain KSA di MATIC, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Dalam masa yang sama, Azhar turut menyahut hasrat menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Na'im Mokhtar agar agensi umrah dapat mempertimbangkan ruang dan kaedah terbaik supaya kenaikan kos keseluruhan tidak membebankan bakal jemaah.

Susulan daripada itu, dia turut mengambil inisiatif membantu mengadakan perjumpaan dengan tiga rakan strategik terkemuka iaitu AirArabia, Zain KSA dan Saudi

Tourism Authority.

“Tujuan kami mengadakan program pada Selasa lalu adalah untuk memberi informasi tepat berkenaan pakej, produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh tiga rakan strategik tersebut yang mana ia bukan hanya tertumpu kepada promosi umrah tetapi kawasan pelancongan juga.

“Kolaborasi ini juga diadakan untuk memberi pendedahan kepada rakyat Malaysia tentang destinasi pelancongan yang ada di Saudi

Arabia serta laluan penerbangan oleh AirArabia dan penggunaan jaringan telekomunikasi oleh Zain KSA dengan tawaran harga berpatutan.

“Saya harapkan dengan pendedahan seperti ini akan memberi maklumat baharu yang lebih tepat kepada orang ramai dan diharapkan juga ia akan menjadi batu lonjatan untuk meningkatkan kembali sektor pelancongan yang telah lenyap sebelum ini,” katanya.

30 agensi kerajaan, swasta serta bengkel pengurusan media efektif



RITHUAN (tiga dari kiri) ditemani Jainuddin (dua dari kiri) menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang peserta bengkel pengurusan media.



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

PERSATUAN Penggiat Media Labuan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Labuan dan Perbadanan Labuan (PL) menganjurkan Bengkel Pengurusan Media yang disertai pelbagai agensi kerajaan dan swasta pada 10 Januari lalu.

Program yang diadakan selama sehari itu telah mengumpulkan lebih 30 Pegawai Perhubungan Jabatan Agensi Kerajaan dan Swasta di pulau itu bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan media.

Menurut Pengerusinya, Jainuddin Djimin, pengurusan

bengkel itu juga turut bertujuan bagi meningkatkan pengetahuan para pegawai kerajaan dan swasta dalam mengendalikan dalam tata kelola persidangan media yang lebih efektif.

Katanya, pada bengkel itu para peserta telah diberikan beberapa taklimat termasuklah sesi penerangan penyediaan maklumat kenyataan media, pengendalian sidang akbar dan fotografi.

"Penganjuran ini telah mendapat sambutan yang amat baik daripada agensi jabatan kerajaan dan swasta yang mana setiap agensi telah menghantar wakil mereka untuk menyertai bengkel ini agar mendapat ilmu penting dalam pengurusan media."

"Kita berharap para peserta yang menyertai bengkel ini dapat menerima ilmu-ilmu yang bermanfaat dan dapat diperaktik-

kan pada masa akan datang agar ia memberi kebaikan kepada kedua-dua pihak iaitu agensi itu sendiri dan media," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Majlis Perasmian Bengkel Pengurusan Media di Bilik Mesyuarat Harmoni, PL pada Selasa lalu.

Majlis perasmian program itu telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PL, Rithuan Mohd Ismail dengan penyampaian sijil penyertaan kepada wakil-wakil agensi kerajaan dan swasta yang menyertai program tersebut.

Dalam pada itu, Jainuddin turut berharap dengan pengurusan bengkel seperti ini turut dapat mengeratkan hubungan di antara para media dan agensi kerajaan dan swasta agar kerjasama yang lebih utuh dapat dikekalkan. **W.K**

Wang ihsan bantu mangsa musibah kebakaran dan bencana air pasang

EMPAT buah keluarga yang dilanda musibah bencana air pasang dan kebakaran di Kampung Sungai Bangat dan Sungai Bebuloh baru-baru ini telah mendapat perhatian daripada Perbadanan Labuan (PL).

Prihatin akan nasib kesemua keluarga yang terlibat, PL telah menyalurkan bantuan wang ihsan kepada keluarga yang dilanda musibah itu.

Menurut kenyataan PL, agihan bantuan yang disalurkan menerusi Jabatan Pelaburan dan Sosio Ekonomi itu bertujuan bagi meringankan beban yang ditanggung oleh kesemua mangsa.

Sesi agihan bantuan wang ihsan itu disampaikan oleh Timbalan Ketua Pegawai



IBRAHIM (dua dari kiri) meninjau sekitar jambatan di Kampung Bebuloh yang mengalami kerosakan dan perlu dibaiki bagi keselamatan penduduk.

Eksekutif PL, Ibrahim Tambi.

Pada masa yang sama, Ibrahim turut berkesempatan meninjau keadaan sekitar jambatan di Kampung Bebuloh yang telah mengalami kerosakan dan dibaiki demi keselamatan penduduk. **W.K**

Pada masa yang sama, Ibrahim turut berkesempatan meninjau keadaan sekitar jambatan di Kampung Bebuloh yang telah mengalami kerosakan dan dibaiki demi keselamatan penduduk. **W.K**



IBRAHIM (tiga dari kanan) menyerahkan bantuan wang ihsan PL kepada mangsa yang dilanda musibah baru-baru ini.



ALIMAN (tengah) mempengerusikan Mesyuarat USIA Bahagian Labuan bagi sesi pertama tahun 2023.

USIA Labuan luaskan misi pencarian pemimpin pelapis anak muda

PERTUBUHAN Islam Seluruh Sabah (USIA) Bahagian Labuan meluaskan misi pencarian pemimpin pelapis dalam kalangan belia menerusi Program Ziarah Masjid dan Surau USIA Bahagian Labuan.

Menurut Ketua USIA Bahagian Labuan, Aliman Asmaran Datuk Seri Panglima Mohd Omar Bledram, usaha itu perlu diberi keutamaan bukan sahaja dalam menyebarkan syiar Islam tetapi juga mencari anak-anak muda untuk menyertai USIA yang akan diletakkan sebagai pemimpin pelapis.

Katanya, USIA Bahagian Labuan telah pun merancang untuk menganjurkan Program Ziarah Masjid dan Surau yang terdapat di 10 cawangan USIA bagi mendampingi golongan belia dan seterusnya dipelawa untuk menyertai USIA.

"USIA Bahagian Labuan yang telah pun menjangkau setengah abad memerlukan lebih ramai pelapis terutamanya generasi muda untuk


memastikan USIA Labuan dapat bertahan lama dan relevan di mata masyarakat Islam di samping meneruskan syiar Islam di pulau ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Mesyuarat USIA Bahagian Labuan bagi sesi pertama tahun 2023 yang diadakan di Bilik Mesyuarat Bangunan USIA Bahagian Labuan, baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua USIA Bahagian Labuan, Sahari Amdan.

Aliman berkata beliau sendiri akan hadir bersama ahli-ahli USIA Bahagian pada program tersebut yang akan diadakan pada minggu ketiga setiap bulan bermula Januari ini.

Dalam perkembangan lain, Aliman memaklumkan pihaknya telah membuat perancangan bagi melaksanakan Program Berkhatan ber-ramai-ramai membabitkan anak-anak USIA di Labuan pada hujung Februari ini. **W.K**

PERADUAN MEWARNA PM198

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM198".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah **21 JANUARI 2023**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akbar Wilayahku **Bilangan 200**.

3 PENYERTAAN TERBAIK PADA SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA WILAYAHKU

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM196:


FARISH NAZHAN MOHD FIRDAUS
(7 tahun)
Presint 6, Putrajaya

NUR ELYANA NAFISA JAILANI
(11 tahun)
Wangsa Maju, Kuala Lumpur

HAIQAL HAQEEMI ABDUL RAZAK
(10 tahun)
Wilayah Persekutuan Labuan



Karya Adik Farish Nazhan

TEKA SILANG KATA SK198**MELINTANG**

1. Hidup dalam/atas air
5. Hias/rapikan
7. Lilin
8. Guruan
9. Hilang ingatan

KE BAWAH

1. Penyelidikan
2. Pilih
3. Percikan hujan
4. Alat majlis pengkbumian
6. Disapu pada roti

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK198".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **21 JANUARI 2023**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akbar Wilayahku **Bilangan 200**.

3 PENYERTAAN TEPAT & TERAWAL PADA SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA WILAYAHKU



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi **WILAYAHKU TV**.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada: wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.


KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 196

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK196:

ZAINAL ADNAN ABDUL SHUKOR
(66 tahun)
Datok Keramat, Kuala Lumpur

SITI IRIANI MOHD NAWI
(38 tahun)
Taman Warisan, Selangor

ROSNAH ABDUL RASHID
(43 tahun)
Presint 18, Putrajaya



Jom lawati 3 spot menarik di Taman Botani Perdana



Foto: SYUQQREE
MOHD DAIN

HAZIRAH HALIM

TAMAN Botani Perdana atau Lake Gardens yang terletak di Jalan Kebun Bunga, Tasik Perdana adalah satu-satunya taman rekreasi tertua dan terbesar yang wujud sejak 1888 di tengah bandar ibu kota Kuala Lumpur.

Lokasi ini bukan sahaja dihiasi pelbagai koleksi tumbuh-tumbuhan malah anda juga akan merasa seakan berada dalam suasana Hutan Hujan Tropika setiap kali berkunjung ke lokasi ini.

Tidak hairanlah ia sentiasa

menjadi pilihan orang ramai untuk beriadah bersama insan tersayang termasuklah mengabadikan momen hari bahagia seperti merakam gambar perkahwinan mahupun konvolesyen.

Terletak bersebelahan Tugu Negara, Taman Burung Kuala Lumpur dan Balai Polis Bukit Aman, anda boleh menaiki pengangkutan awam seperti bas, Keretapi Malaysia Berhad laluan Kuala Lumpur (KTM KL) atau stesen Transit Aliran Ringan (LRT) yang berdekatan.

Menariknya, taman ini terbahagi kepada sembilan zon utama merangkumi kawasan pokok hutan, laman perdana, taman-taman bunga dan rekreasi, panggung Aniversari serta pelbagai lagi. **WK**



TAMAN BUNGA DAN HERBA

TAMAN Botani Perdana memiliki lebih daripada lima taman termasuk taman herba yang sentiasa menjadi tarikan utama pelancong dalam mahupun luar negara antaranya Taman Sunken, Taman Rusa, Taman Orkid, Taman Bunga Raya, Herbarium, Taman Herba dan Rempah serta banyak lagi.

Antara salah satu tarikan menarik dan sesuai untuk mencipta gambar kenangan adalah Taman

Sunken yang memiliki keindahan landskap cantik selain dihiasi dengan tumbuhan berwarna yang digambarkan secara geometri.

Pengunjung juga boleh meneroka taman untuk mempelajari jenis-jenis herba dan rempah serta taman hutan dan rimba di Malaysia di samping melihat 4,000 sampel spesimen herbarium dari taman-taman awam sekitar KL dan hutan simpan semenanjung Malaysia.



INFO TAMAN BOTANI PERDANA, KUALA LUMPUR

Alamat: Jalan Kebun Bunga,
Tasik Perdana, 55100
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Waktu Operasi: 7 pagi hingga 8 malam

Hubungi: 03-2276 0432

Website: <http://www.klbotanicalgarden.gov.my/>



KOLEKSI PELBAGAI JENIS POKOK

SELAIN dihiasi dengan bunga-bunga, tanaman herba dalam suasana hutan tropika, pengunjung juga boleh melihat koleksi pelbagai jenis pokok yang ditanam kira-kira 343 spesies tidak termasuk semua tumbuhan renek, pokok palma dan paku pakis.

Antara pokok yang menjadi tumpuan adalah Pokok Ara yang merupakan pokok warisan Taman Botani Perdana. Kebanyakan pokok yang ditanam sudah pun mencelah usia lebih daripada 100 tahun.



RUMAH PERMAINAN BULUH

RUMAH permainan buluh dibina sepenuhnya daripada buluh dan ia menggabungkan konsep rumah kampung tradisional vernakular yang dilengkapi dengan struktur bumbung panel solar.

Direka oleh seorang arkitek perempuan, Elena Jamil, ia berjaya menarik perhatian pengunjung sebagai astaka atau kawasan rehat sementara selain memberi pendedahan kepada kanak-kanak dan remaja dalam mengekspolarasi ruang dan pembinaan buluh di Kuala Lumpur.

Jelaslah, Taman Botani Perdana memiliki pelbagai kawasan menarik yang boleh dilawati. Untuk maklumat lebih lanjut anda boleh melayari laman web <http://www.klbotanicalgarden.gov.my/>.



TAMAN permainan kanak-kanak dan Laman Perdana antara lokasi tumpuan pelancong beriadah.



SABRINA SABRE

PERBADANAN Putrajaya (PPj) sentiasa komited dalam usaha memastikan Putrajaya menjadi sebuah Bandar Mampan dan Bandar Hijau Karbon Rendah bertaraf dunia dalam semua aspek menjelang tahun 2025.

Baru-baru ini, Pihak Berkusa Tempatan (PBT) tersebut meraikan para pemenang Pertandingan Laman Cantik 2022 dalam satu majlis penyampaian hadiah yang berlangsung di Dewan Seri Melati, Kompleks PPj, Presint 3, Putrajaya.

Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud** berkata objektif penganjuran pertandingan tersebut adalah untuk menghargai inisiatif penduduk dan komuniti dalam usaha mereka mewujudkan persekitaran hijau dan mampan di Putrajaya.

"Pertandingan anjuran Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (JPM); Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPWPP); Jabatan Perkhidmatan Bandar bersama dengan Jabatan Landskap Dan Taman PPj ini juga dilihat mampu mendorong masyarakat serta komuniti Putrajaya dalam memelihara kejiranian hijau selaras dengan konsep pembangunan dan status Putrajaya sebagai 'Bandar Dalam Taman'.

"Jika kita telusuri setahun ke dua tahun lalu sepanjang berhadapan dengan pandemik COVID-19, terdapat beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah kita alui di mana ramai dalam kalangan masyarakat Malaysia yang mengambil peluang tersebut untuk mengisi masa sepanjang berada di rumah dengan bercucuk tanam, menghias laman dan sebagainya.

"Secara tidak langsung, aktiviti seperti ini

PPj optimis realisasi Bandar Mampan, Bandar Hijau Karbon Rendah 2025



FADLUN (tiga dari kanan) menyampaikan hadiah kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 8(1) selaku johan Pertandingan Laman Cantik Putrajaya 2022.

memberikan faedah dan manfaat kepada penjagaan kesihatan fizikal serta kesihatan mental," katanya dalam Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Laman Cantik Putrajaya 2022 pada Selasa.

Dalam pada itu, Fadlun berkata penganjuran pertandingan pada tahun 2022

ditubuh dengan beberapa inovasi dan juga penambahbaikan daripada beberapa aspek.

"Penganjuran Pertandingan Laman Cantik 2022 ini julung-julung kalinya membuka penyertaan kepada pihak sekolah di Wilayah Persekutuan Putrajaya melalui kategori sekolah selain kategori rumah kuarters dan rumah milik

persendirian," ujarnya pihak PPj menerima 43 penyertaan meliputi ketiga-tiga kategori yang dipertandingkan.

Di samping itu, beliau memberitahu usaha mewujudkan persekitaran hijau dan persekitaran yang kondusif di Putrajaya tidak hanya terletak pada tanggungjawab PPj sahaja, malah warga dan komuniti Putrajaya serta pihak sekolah juga boleh memainkan peranan mengikut kapasiti masing-masing.

Beliau berharap melalui pertandingan ini, warga Putrajaya dapat terus berganding bahu dan bersama-sama dalam usaha mewujudkan persekitaran hijau dan kondusif bukan sahaja untuk generasi pada masa sekarang, akan tetapi untuk generasi yang akan mewarisi kita di masa akan datang.

Terdahulu, penjurian telah diadakan bermula 5 hingga 23 Disember 2022 yang mana juara pertandingan bagi setiap kategori membawa pulang wang tunai bernilai RM1,000, naib juara RM800, RM700 bagi tempat ketiga, tempat keempat RM600 dan RM500 untuk tempat kelima manakala pemenang tempat keenam hingga ke-10 pula membawa pulang wang tunai sebanyak RM300.

Bagi kategori sekolah kebangsaan dan menengah, juara bagi setiap kategori membawa pulang wang tunai bernilai RM2,000, naib juara RM1,500, tempat ketiga sebanyak RM1,000 manakala pemenang saguhati tempat keempat hingga ke-11 membawa wang tunai bernilai RM600 yang mana masing-masing menerima trofi dan sijil.

WK

400 pelajar tingkatan 5 sertai Bengkel Pecutan Akhir Skor A+ SPM @ Putrajaya

SERAMAI 400 orang pelajar dari 11 sekolah Putrajaya menyertai Bengkel Pecutan Akhir Skor A+ SPM @ Putrajaya di Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya (PPj) baru-baru ini.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, program yang diadakan pada 7 dan 15 Januari itu adalah bagi meningkatkan kualiti pendidikan warga sekolah Putrajaya selain membentuk jati diri sebagai persiapan ke arah melahirkan modal insan yang berkualiti.


"Bengkel ini dianjurkan bertujuan membantu para pelajar di tingkatan 5 untuk membuat persiapan intensif bagi menduduki SPM bermula 20 Februari ini."

"Selain itu, pelajar-pelajar turut didekah dengan teknik belajar dan kaedah menjawab soalan di bawah bimbingan guru-guru yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah," katanya.

Dalam pada itu, Fadlun berkata

pelaksanaan bengkel tersebut juga selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) iaitu SDGs 4: Quality Education, SDGs 11: Sustainable Cities and Communities dan SDGs 17: Partnership For The Goals.

Tambah beliau, bengkel yang bermula pukul 7.30 pagi hingga 5 petang itu dilaksanakan PPj melalui Seksyen Local Agenda 21 Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Majlis Pengetua Semenanjung Malaysia (Putrajaya). WK



PARA pelajar didekah dengan teknik belajar dan kaedah menjawab soalan dalam bengkel tersebut.

Cita Rasa KLASIK JUALAN BAZAR@PICC

SAIZ TAPAK: 8' X 8'
RM500.00 SEBULAN

LOKASI: PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)

TARikh: 25 MAC - 19 APRIL 2023 | MASA: 4PTG - 10MLM

UNTUK SEBARANG PERTANYAAN DAN PENYERTAAN, SILA HUBUNGKAN:
T: 03-8887 6000 | F: 03-8887 6449 | E: enquiry@co-x.com.my

Fokus teruskan legasi bapa

Adib yakin raih emas Sukan SEA 2023

SABRINA SABRE

ATLET silat Wilayah Persekutuan, Muhammad Khairi Adib Azhar mengakui bukan mudah untuk meneruskan legasi kecemerlangan bapanya dalam sukan silat namun dia tidak pernah berputus asa.

Merupakan anak kepada bekas pesilat negara, Azhar Ahmad, atlet berusia 21 tahun itu berkata banyak pihak meletakkan kepercayaan kepada dia dan abangnya, Muhammad Allif Hakimi yang juga merupakan atlet silat.

"Sukar sebenarnya untuk meneruskan kecemerlangan ayah tetapi memandangkan minat yang mendalam menjadikan saya lebih bersemangat untuk menyumbangkan pingat emas dalam setiap acara yang disertai."

"Selain itu, dorongan daripada ahli keluarga yang tidak putus-pu-



tus juga menjadi penguat kepada saya sehingga ke hari ini," ujarnya yang telah berkecimpung selama 15 tahun dalam sukan silat.

Tambah Adib lagi, bapanya juga banyak memberi tunjuk ajar tentang teknik-teknik silat malah sejak kecil lagi dia telah pun didedahkan dengan selok-belok dunia silat setiap kali mengikut bapanya ke gelanggang.

Beralih kepada perkembangan terbaharunya, Adib kini gigih menjalani latihan secara intensif bagi persediaan untuk berentap dalam Sukan SEA 2023 di Kemboja yang bakal berlangsung pada Mei ini.

"Sejujurnya daripada dahulu saya berusaha sedaya upaya untuk memberikan emas buat negara. Biarpun masa masih agak panjang namun itu bukan alasan untuk berlengah kerana saya perlu tingkatkan prestasi bermula sekarang."

"Bukan itu sahaja, saya juga se-



AKSI Adib (kiri) dalam Kejuaraan Silat Kebangsaan Ke-20 di Johor baru-baru ini.

dang mempersiapkan diri dari segi mental dan fizikal agar tidak gentar dalam gelanggang nanti," ujarnya

yang turut menjalani latihan di pusat gimnasium pada masa lapang untuk meningkatkan stamina.

Pencapaian Muhammad Khairi Adib

2022 – SUKMA MSN – Emas

2022 – Kejuaraan Silat Kebangsaan Ke-20 – Emas

2022 – Southeast Asian Games – Emas

2022 – Kejuaraan Silat Dunia – Tempat Kedua

Tidak mengharapkan latihan daripada jurulatih semata-mata, Adib turut menitipkan pesan kepada bakat baharu di luar sana untuk sentiasa komited menjadi atlet yang berjaya.

"Saya tidak hanya mengharapkan latihan daripada jurulatih semata-mata. Sebagai atlet, kita perlu ada inisiatif sendiri untuk berjaya," ujar atlet kelahiran Kuala Lumpur ini. WK

LISC22: Lebih 100 peserta dari tujuh negara bergabung

PENGANJURAN lebih banyak sukan lasak ekstrem di Pulau Langkawi diyakini dapat membantu merancakkan lagi ekonomi setempat terutama dalam sektor pelancongan," ujar Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Nasaruddin Abdul Muttalib.

Ia terbukti apabila lebih 100 orang peserta dari tujuh negara yang terdiri daripada Malaysia, Korea, Australia, Mesir, Bahrain, UAE serta Poland menjayakan dan merancakkan lagi Kejohanan Sukan Payung Terjun, Langkawi International Skydiving Challenge 2022 (LISC22) yang berlangsung di Pulau Langkawi pada 8 hingga 17 Disember 2022 lalu.

"Acara ini diadakan bertujuan untuk mempromosikan pulau itu sebagai destinasi sukan lasak

yang kini menjadi pilihan anak muda untuk dijadikan sebagai aktiviti riadah," kata beliau dalam satu kenyataan.

Menurut Nasaruddin, kejohanan itu dianjurkan oleh LGK Sports International Sdn Bhd dengan kerjasama Yayasan Digital Malaysia; LADA; Polis Diraja Malaysia (PDRM); Persekutuan Sukan Udara Malaysia (MSAF) dan disokong oleh Tourism Malaysia.

"Tiga kategori utama diperlombakan iaitu Accuracy Landing, Formation Skydiving dan Canopy Formation serta beberapa acara sampingan seperti pertunjukan sukan udara, persembahan kebudayaan, gerai jualan dan aktiviti lain juga turut diadakan sepanjang LISC22 berlangsung," katanya.

Di samping itu, beliau berharap pengajuran tersebut dapat di-

jadikan sebagai acara tahunan di samping membantu mempromosikan Pulau Langkawi sebagai salah satu daripada destinasi sukan ekstrem di dunia.

"Bukan itu sahaja, sokongan daripada pihak kerajaan, agensi berkaitan serta pihak swasta

mampu mempertingkatkan lagi tahap kejohanan dan promosi bagi pengajuran seperti ini," tambah beliau.

Terdahulu, pusingan akhir yang berlangsung pada 17 Disember 2022 menyaksikan

Formation Skydiving dan Canopy Formation.

Turut hadir, Presiden Persekutuan Payung Terjun Asia (ASF) Deputi Komisioner Polis (DCP) Datuk Abdul Razak Mohd Yusoff dan wakil daripada Tourism Malaysia, Nor Aida Ismail. WK



NASARUDDIN (empat dari kiri) bergambar bersama sebahagian peserta LISC22 baru-baru ini.

BAKAT 2023
WILAYAH KU
"LATIHAN HOKI AKAR UMBI"

TERBUKA KEPADA SEMUA WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN UMUR 10 - 17 TAHUN LATIHAN SECARA PERCUMA TERBUKA KEPADA LELAKI & PEREMPUAN

LINK PENDAFTARAN <https://forms.gle/wWTE1kv6ZHsYq3JFA>

SILA HUBUNGKI
KOC WAN - 013-8833699
KOC GLEN - 019-8402079



>> 23

YWP komited sokong pendidikan pelajar berpendapatan rendah

DIANA AMIR

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) sentiasa komited untuk menyokong pembangunan pendidikan pelajar dari keluarga berpendapatan rendah (B40) khususnya di Wilayah Persekutuan.

Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata matlamat utama YWP ditubuhkan adalah untuk membantu pelajar-pelajar Wilayah Persekutuan selain membantu hal ehwal kebajikan rakyat di negeri ini.

"YWP seperti yayasan negeri lain sentiasa memberikan keutamaan kepada pembangunan pendidikan anak negeri khususnya daripada keluarga B40 melalui berbagai program termasuk pemberian biasiswa," ujarnya ketika menerima kunjungan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato Shamsuddin Nain, Rantau, Negeri Sembilan ke Wilayahku, Rabu lalu.

Menurut beliau, pelajar-pelajar perlu mengubah sikap sambil lewa kepada sikap rajin dan tidak berkira dalam pelajaran kerana kerajaan melalui berbagai agen-

si menyediakan program-program terbaik untuk membantu mereka.

Jelas Zaizalnizam, sikap rajin adalah kunci utama kepada kejayaan biarpun tidak pandai dalam pelajaran namun jangan berhenti berusaha untuk mencari bidang yang sesuai dengan diri sendiri di masa hadapan.

"Sebagai contoh dalam bidang media, cabang itu sangat luas. Bukan sahaja dalam bidang penulisan seperti wartawan, mungkin anda juga berpotensi untuk menjadi penganalisa media sosial atau sebaliknya."

"Lebih-lebih lagi media sosial kini adalah satu instrumen informasi dan komunikasi yang begitu mendapat tempat pada hari ini. Jadi, jangan sesekali merasa tidak tempat atau peluang untuk menempatkan diri," ujar beliau.

Terdahulu, Pengurus Besar Wilayahku, Azlan Abdul Aziz bersama kakitangan menerima kunjungan seramai 42 pelajar aliran Sains, Sastera dan Vokasional diiringi lima orang guru pengiring sempena Program Jelajah Ilmu menjelang peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2022, 20 Februari ini.

Sementara itu, menurut guru Bahasa Melayu dan Sejarah, SMK Dato Shamsuddin Nain, Mohd Nizam Mohd Nor, program ini memberi pendedahan kepada pelajar terhadap dunia luar dan menyuntik semangat mereka untuk menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi dan mengenali alam pekerjaan.

"Saya dapat lihat mereka begitu teruja ke sini dan diharapkan semangat mereka berkobar-kobar untuk menduduki SPM tidak lama lagi," ujarnya menjelaskan gred purata keseluruhan (GPS) peperiksaan percubaan SPM sekolah tersebut meningkat.

Selain pejabat Wilayahku, mereka turut dibawa melawat ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Putrajaya serta lokasi popular sekitar Putrajaya antaranya Souq Shoppe @ Putrajaya dan Putrajaya Story. WK

Daftar Program Bas Sekolah Percuma hingga 10 Februari

HAZIRAH HALIM

JABATAN Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah membuka pendaftaran Program Bas Sekolah Percuma MySchoolBus bermula 9 Januari (Isnin) sehingga 10 Februari (Jumaat) ini.

DBKL satu kenyataan maklumkan, penyertaan ini terbuka kepada mana-mana pelajar darjah satu hingga tingkatan lima bagi sesi 2023/2024 yang menetap di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"Kepada mana-mana pihak yang ingin membuat permohonan, borang boleh dimuat turun di pautan <https://tinyurl.com/2s4zneb2> atau imbas kod qr di laman Facebook rasmi DBKL.

"Borang yang telah lengkap diisi bersama dokumen sokongan boleh dihantar di Pejabat Kecil Perumahan DBKL yang berhampiran atau Pejabat Pengurusan Perumahan Zon DBKL.

"Walau bagaimanapun, sekiranya ada pihak atau individu menghantar borang tidak lengkap atau menyerahkan selepas tarikh tutup permohonan, maka permohonan tersebut tidak akan diterima oleh pihak uruset," jelas kenyataan tersebut.

Sebarang pertanyaan, anda boleh e-melkan kepada myschoolbus.wilayah@gmail.com.



ZAIZNIZAM (duduk, lima kiri) dan Mohd Nizam (duduk, empat kiri) merakamkan gambar kenangan bersama pelajar SMK Dato Shamsuddin Nain dan guru-guru pengiring ketika sesi kunjungan di Wilayahku.

Penganjur konsert Padi Reborn 25 tahun sumbang RM10,000

DEEL ANJER

SEPERTI yang dijanjikan, penganjur konsert kumpulan Padi Reborn, Qew Communication Sdn. Bhd, menyerahkan sumbangan berjumlah RM10,000 kepada badan amal, Pertubuhan Kebajikan Niq Ehsan Malaysia (PKNEM), baru-baru ini.

Menurut Pengarah Perkhidmatan Korporatnya, **Datin Nor Rahizahwati Yahya**, sumbangan itu adalah hasil kejayaan jualan tiket konsert tersebut yang berlangsung pada 3 Disember lalu di Zepp Kuala Lumpur.

"Seperti yang kami maklumkan sebelum ini, sebahagian daripada hasil jualan tiket konsert tersebut akan disalurkan kepada mana-mana badan amal.

"Kami juga ada maklumat, setiap

RM1 daripada jualan tiket akan disalurkan kepada badan kebajikan terpilih selain pihak kami juga turut menambah sedikit wang untuk usaha tersebut.

"PKNEM dipilih sebagai tanda penghargaan atas usaha mereka memberi khidmat bantuan dan pembangunan buat insan yang memerlukan di seluruh negara," katanya pada majlis penyerahan cek sumbangan bernilai RM10,000.

Turut hadir, Penaung PKNEM, Datuk Khadijah Ibrahim dan Pengerusi, Akhmarulizam Ahmad serta Timbalan Pengerusi, Ikhzal Azfarel Ideris.

Menurut Nor Rahizahwati, Qew Communication mahu terus beramal, menjalankan tanggungjawab sosial sebagai tanda memberi semula kepada masyarakat terutamanya golongan yang kurang bernasib baik. WK



NOR Rahizahwati (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan RM10,000 kepada Khadijah Ibrahim selaku penaung PKNEM.